


FEBRUARI 1-15, 2019

PERCUMA

BULETIN MUTIARA

www.buletinmutiara.com | buletinmutiara | ChowKonYeow | chowkonyeow | @ChowKonYeow

# Pengecaman wajah

## sistem keselamatan awam pintar pertama dalam negara

Oleh : **ZAINULFAQAR YAACOB**
Gambar : **ALISSALA THIAN**

**GEORGE TOWN –** Kerajaan Negeri Pulau Pinang baru-baru ini melancarkan projek pengecaman wajah, selepas siap memasang lebih 900 sistem kamera litar tertutup (CCTV) di bahagian pulau dalam tempoh 10 tahun sejak 2008.

Mengulas lanjut, Ketua Menteri, Y.A.B. Tuan Chow Kon Yeow berkata, sistem keselamatan awam pintar bersepadu itu adalah menggunakan teknologi 'Sistem IBM'.

"Projek pengecaman wajah *(facial recognition)* ini merupakan yang pertama di Malaysia.

"Sebenarnya, lebih 900 unit CCTV yang dipasang ini tidak cukup untuk sebuah bandar raya.

"Kalau untuk seluruh Pulau Pinang, sekurang-kurangnya kita perlu 5,000 CCTV lagi, walaupun untuk sebuah bandar raya di dunia sebenarnya memerlukan kira-kira 20,000 CCTV.

"Dan, projek pengecaman wajah ini merupakan fasa selanjutnya selepas kita pasang CCTV, iaitu untuk meningkatkan lagi tahap keselamatan awam," jelasnya yang juga Ahli Parlimen Tanjong merangkap Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Padang Kota dalam Majlis Pelancaran Projek Pengecaman Wajah di Pusat Kawalan CCTV Bersepadu MBPP di sini 2 Januari 2019.

Exco Perumahan, Kerajaan Tempatan dan Perancangan Bandar & Desa, Jagdeep Singh Deo; Datuk Bandar Majlis Bandaraya Pulau Pinang (MBPP), Dato' Ar. Yew Tung Seang dan mantan Ketua Polis Pulau Pinang, Datuk Seri A. Thaiveegan turut berucap dalam majlis rasmi itu.

Hadir sama, Exco Pembangunan Pelancongan, Warisan, Kebudayaan dan Kesenian, Yeoh Soon Hin.


**KETUA Menteri, barisan kepimpinan Kerajaan Negeri dan A. Thaiveegan (kanan sekali) memerhatikan skrin paparan Pusat Kawalan CCTV Bersepadu MBPP pada Majlis Pelancaran Projek Pengecaman Wajah di sini baru-baru ini.**


**DEMONSTRASI pengecaman wajah yang dijalankan.**

Kon Yeow dalam pada itu berharap operasi fasiliti pengecaman wajah dan sistem CCTV berpusat tersebut turut dapat dimanfaatkan untuk langkah pencegahan jenayah di negeri ini.

Dalam perkembangan berkaitan, beliau turut merakamkan penghargaan kepada Polis Diraja Malaysia (PDRM) dan penguatkuasa MBPP kerana saling kerjasama dalam mengendalikan sistem CCTV bersepadu, sehingga menyumbang kepada penurunan indeks jenayah sebanyak 19 peratus pada tahun 2018.

Di sini, turut diadakan simulasi tangkapan suspek penjenayah menggunakan sistem CCTV dan fasiliti pengecaman wajah, kendalian secara bersama penguatkuasa MBPP dan PDRM.

# Anggota perkhidmatan awam diseru terap pembaharuan selaras *Penang2030*

Oleh : **AINUL WARDAH SOHILLI**
Gambar : **ALISSALA THIAN**



KETUA Menteri, barisan kepimpinan Kerajaan Negeri dan para penjawat awam merakam gambar kenangan sejurus Majlis Perhimpunan Anggota Perkhidmatan Awam Bersama-sama YAB Ketua Menteri Pulau Pinang di sini baru-baru ini.

**GEORGE TOWN –** Ketua Menteri, Y.A.B. Tuan Chow Kon Yeow berharap barisan anggota perkhidmatan awam negeri dan Persekutuan di Pulau Pinang dapat menerap serta menyesuaikan diri dengan proses pembaharuan yang dilaksanakan selaras dengan visi *Penang2030*.

Menurut beliau, setelah mandat bertukar tangan, perkhidmatan awam Persekutuan yang sebelum ini 'berasingan', kini harus bergerak dalam satu pasukan sama.

"Tahun 2019 adalah tahun untuk kita bertindak bersama-sama selaras dengan dasar digariskan Kerajaan Negeri dan Kerajaan Persekutuan di bawah satu bumbung.

"Di Pulau Pinang, proses pembaharuan berjalan amat lancar yang mana anggota perkhidmatan awam Persekutuan telah bersiap-sedia menyesuaikan diri dengan pembaharuan yang dilaksanakan sebelum ini.

"Tempoh percubaan enam bulan telah tamat dan saya amat berharap agar kerjasama yang dijalinkan sekian lama ini menjadi bertambah kukuh serta erat antara Kerajaan Negeri dan Kerajaan Persekutuan dalam membentuk Malaysia Baharu.

"(Dan) saya percaya anggota perkhidmatan awam negeri di Pulau Pinang yang sudah biasa dengan manifesto dibawa Kerajaan Pakatan Harapan akan menjadikannya lebih mudah dan lebih berkesan dalam memberikan perkhidmatan terbaik kepada rakyat," ujar Kon Yeow.

Beliau berkata demikian ketika menyampaikan ucaptama pada Majlis Perhimpunan Anggota Perkhidmatan Awam Bersama-sama YAB Ketua Menteri Pulau Pinang di sini 7 Januari lalu.

Mengulas lanjut, Kon Yeow berharap majlis perhimpunan seumpama berkaitan dapat diteruskan dari masa ke masa memandangkan ia merupakan platform penting menyatukan pertemuan antara anggota perkhidmatan awam negeri dan Persekutuan yang berkhidmat di negeri ini.

Dalam pada itu, Setiausaha Kerajaan Negeri, Dato' Seri Farizan Darus menyatakan bahawa 2019 merupakan tahun yang mencabar dalam meningkatkan pencapaian perkhidmatan awam.

"Anjakan paradigma dan perubahan amat penting bagi menjadikan perkhidmatan awam sentiasa dinamik, justeru, kita perlu sama-sama melakukannya (perubahan) agar tidak ketinggalan," katanya yang turut menekankan aspek disiplin dan integriti dalam kalangan penjawat awam.

Jelas Farizan, berdasarkan statistik kesalahan rasuah bagi tahun 2018 membabitkan kesalahan menerima dan memberi rasuah, tuntutan palsu, salah guna jawatan dan kedudukan serta penggubahan wang haram, sejumlah 115 kesalahan direkodkan melibatkan anggota sektor awam.

"Bagi kesalahan tatatertib, 44 kes telah diselesaikan sama ada di peringkat jabatan negeri, pihak berkuasa tempatan mahupun badan berkanun negeri.

"Manakala, sejumlah 52 hukuman termasuk amaran, denda, lucut hak emolumen, tangguh pergerakan gaji, turun gaji dan buang kerja telah dikenakan.

"Justeru, bagi tahun 2019 ini, saya berharap kes-kes rasuah, salah guna kuasa dan perlanggaran peratuan tatatertib seperti ini dapat dikurangkan sekurang-kurang 40 peratus atau lebih," ulasnya yang turut menyarankan agar penyelarasan proses dan prosedur kerja yang lebih telus serta cekap dapat dilaksanakan di semua jabatan.

Dalam majlis sama, Farizan turut mengalu-alukan beberapa pegawai kumpulan perkhidmatan pengurusan dan professional yang baru di peringkat negeri dan Persekutuan.

Turut diadakan adalah penyampaian insentif tunai atas pencapaian cemerlang jabatan dan agensi Kerajaan Negeri sepanjang tahun 2018, antaranya, Majlis Perbandaran Seberang Perai (MPSP), Majlis Bandaraya Pulau Pinang (MBPP), Perbadanan Bukit Bendera, Perbadanan Bekalan Air Pulau Pinang dan Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri Pulau Pinang.

# Tambahan peruntukan bakal manfaatkan pembangunan komuniti India

**KEBUN BUNGA –** Sempena sambutan Thaipusam tahun ini, Ketua Menteri, Y.A.B. Tuan Chow Kon Yeow mengumumkan berita gembira yang bakal memberi manfaat kepada komuniti India di negeri ini.

Kon Yeow berkata, Kerajaan Negeri Pulau Pinang komited dalam mengukuhkan perpaduan rakyat di negeri ini dan akan terus berusaha membantu semua lapisan rakyat ke arah merealisasikan visi *Penang2030*.

"Secara dasarnya, Kerajaan Negeri sedar bahawa pembangunan pesat sahaja adalah tidak mencukupi sekiranya masih wujud kelompok tersisih.

"Saya berbangga kerana Kerajaan Negeri sentiasa memberikan perhatian sewajarnya terhadap keperluan serta menyelesaikan beberapa isu berbangkit membabitkan komuniti India sepanjang pentadbiran Pakatan Harapan.

"Oleh itu, suka saya umumkan, pada tahun 2019 ini, Kerajaan Negeri akan meningkatkan peruntukan tahunan untuk sekolah-sekolah Tamil daripada RM1.75 juta kepada RM2.0 juta.

"Manakala bagi tadika-tadika sekolah Tamil pula, dinaikkan kepada RM150,000 daripada RM100,000 setahun dan peruntukan tahunan untuk Tabung Khas Pendidikan Tamil turut ditingkatkan daripada RM100,000 kepada RM150,000," ucapnya pada majlis jamuan minum petang sempena perayaan Thaipusam di sini 21 Januari lalu.

Hadir sama, Menteri Kewangan, Lim Guan Eng; Timbalan Ketua Menteri II merangkap Pengerusi Lembaga Wakaf Hindu Pulau Pinang, Prof. Dr. P. Ramasamy serta barisan Exco dan Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Kerajaan Negeri.

Dalam majlis sama, Kon Yeow turut mengumumkan peruntukan berjumlah RM200,000 kepada Kuil Thanneermalai Shree Balathandayuthapani Devasthanam yang lebih dikenali sebagai *Waterfall Hilltop Temple* dalam kalangan penduduk tempatan.

Terdahulu, Kon Yeow tidak melepaskan peluang meraikan sambutan Thaipusam dengan berjalan mengunjungi *'thanir panthal'* atau barisan khemah-khemah kecil yang menyediakan kudapan sepanjang Jalan Utama ke Jalan Kebun Bunga.

Malah dalam perutusannya sempena Thaipusam, beliau berharap perayaan Thaipusam disambut dengan lebih meriah dan harmoni.

Tinjauan Buletin Mutiara pada 20 dan 21 Januari baru-baru ini, mendapati keadaan di sekitar kawasan Jalan Utama dan Jalan Kebun Bunga sesak dengan penganut agama Hindu dan pelancong.

Upacara memecah kelapa di sekitar kawasan Komtar dan Jalan Datuk Keramat turut meriah dengan kehadiran penganut dan pelancong yang mahu menyaksikan perarakan keluar pedati emas sambil diiringi alunan muzik tradisional India.



**PERARAKAN** pedati emas di Jalan Datuk Keramat meriah.



# Menteri harap Pulau Pinang terus menjadi model negeri contoh

**GEORGE TOWN –** Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, Zuraida Kamaruddin berharap Pulau Pinang terus menjadi model negeri contoh dalam aspek pembangunan mampan dan lestari bukan sahaja di Malaysia bahkan di persada antarabangsa.

Beliau berkata, kejayaan Pulau Pinang terserlah bukan sahaja melalui pembangunan yang progresif, malah juga dari sudut pertumbuhan ekonomi serta pengurusan kewangan.

"Saya berharap negeri-negeri lain di Malaysia dapat mencontohi Pulau Pinang dalam aspek pembangunan negeri.

"(Dan) Pulau Pinang amat bermurah hati untuk berkongsi segala kejayaan yang dikecapi bersama-sama negeri lain termasuk dalam aspek perancangan bandar, pengurusan dan kelestarian perbandaran," ujarnya pada sidang media bersama-sama Ketua Menteri Pulau Pinang, Y.A.B. Tuan Chow Kon Yeow di sini 4 Januari lalu.

Hadir sama, Exco Perumahan, Kerajaan Tempatan dan Perancangan Bandar & Desa, Jagdeep Singh Deo dan Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Machang Bubuk, Lee Khai Loon.

Manakala delegasi dari Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT) yang turut serta adalah Timbalan Ketua Setiausaha (Dasar), Dr. Mary Wong Lai Lin; Ketua Pengarah Jabatan Kerajaan Tempatan, Datuk Noor-Ihsan Che Mat; Ketua Pengarah Jabatan Perumahan Negara, K.N. Jayaselan dan Ketua Pengarah Jabatan Pengurusan Sisa Pepejal Negara, Ismail Mokhtar.

Dalam pada itu, ketika diminta mengulas mengenai inisiatif Kerajaan Negeri Pulau Pinang memperkenalkan sistem pintar pengecaman wajah menggunakan kamera litar tertutup (CCTV), Zuraida menyatakan bahawa teknologi tersebut telah diguna pakai di negara-negara maju, dan di Malaysia, Pulau Pinang menjadi negeri pertama memperkenalkannya.

"Saya berpandangan bahawa kita




**ZURAIDA Kamaruddin.**

(KPKT) perlu mempunyai projek sebegini bagi memantau gerak geri dan keselamatan rakyat kerana ia bukan sahaja meringankan tanggungjawab pihak berkuasa malah turut memudahkan pemantauan.

"Saya percaya dengan adanya sistem pintar ini, rakyat akan lebih patuh (terhadap undang-undang), dan ini (dalam jangka masa panjang) akan memberikan pulangan kepada negara," jelasnya.

Bercakap kepada pemberita, Zuraida yang juga Ahli Parlimen Ampang memberitahu, kunjungan rasmi pada hari berkaitan adalah yang pertama beliau ke Pulau Pinang termasuk terhadap Ketua Menteri.

"Terima kasih atas layanan baik yang diberikan oleh Ketua Menteri Pulau Pinang, dan ini adalah kunjungan hormat rasmi yang pertama, alhamdulillah," katanya.

Terdahulu, Zuraida bersama-sama delegasi KPKT mengadakan pertemuan tertutup selama 30 minit bersama-sama Kon Yeow di pejabatnya sebelum dijadualkan menghadiri mesyuarat di Bahagian Kerajaan Tempatan Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri.

## *Ecodeck* bakal hubungkan 200km laluan basikal seluruh kawasan pulau

Oleh : **NORSHAHIDA YUSOFF**
Gambar : **MBPP**

**PULAU TIKUS –** Kerajaan Negeri berhasrat menghubungkan laluan basikal di bawah Pelan Induk Laluan Basikal Pulau Pinang dengan membina sebuah struktur *ecodeck* berkonsepkan rangkaian hijau di sepanjang pantai Tanjung Bunga.

Exco Perumahan, Kerajaan Tempatan dan Perancangan Bandar & Desa, Jagdeep Singh Deo berkata, *ecodeck* dengan jumlah jarak kira-kira enam kilometer (km) itu bakal menghubungkan pantai di hadapan Hotel Flamingo dekat Tanjung Bungah sehingga ke Hotel Shangri-La's Rasa Sayang.

"Memandangkan laluan di sekitar kawasan itu adalah agak sempit, maka pembinaan *ecodeck* ini dicadangkan di atas platform sepanjang pantai dengan kelebaran anggaran 3.5 meter (m), iaitu 2m untuk laluan basikal manakala laluan pejalan kaki (1.5m), dan komponen pembinaan ini adalah termasuk platform (*ecodeck*), struktur sokongan di bawah platform serta pagar keselamatan.

"Jarak adalah kira-kira 6km dengan anggaran jumlah kos adalah sebanyak RM40 juta," ujarnya sejurus sidang media sejurus sesi lawatan ke lokasi berkenaan di sini 3 Januari lalu.

Hadir sama, Datuk Bandar bagi Majlis Bandaraya Pulau Pinang (MBPP), Dato' Ar. Yew Tung Seang, Mohamed Akbar Mustapha (Pengarah Khidmat Pengurusan MBPP), Ir. A. Rajendran (Pengarah Kejuruteraan MBPP) dan Nur' Aisyah Md. Norodin (Ketua Penolong Setiausaha Bahagian Kerajaan Tempatan).

Menurut Jagdeep, *ecodeck* berkaitan akan menjadi sebahagian daripada 200km laluan basikal yang telah dirancang di seluruh kawasan pulau menjelang tahun 2020 oleh MBPP, yang mana 90 peratus atau kira-kira 180km laluan tersebut telah siap dengan kos RM34.8 juta dan dibiayai oleh Kerajaan Negeri.

"Lorong-lorong basikal dan laluan pejalan kaki ini akan dihubungkan dari *Gurney Wharf* ke Batu Ferringhi meliputi jarak 12.5km.

"Pada masa ini, 2km telah dibina di kawasan Sri Tanjung Pinang dan 2.5km sedang dibina (dari Tesco Sri Tanjung Pinang hingga Hotel Flamingo), manakala 8km lagi berada pada peringkat perancangan," katanya.

Justeru, tambah Jagdeep, memandangkan kos pembinaan *ecodeck* yang agak tinggi, beliau akan cuba berbincang bagi mendapatkan pembiayaan daripada Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan.




**JAGDEEP Singh Deo (kanan sekali) sambil diperhatikan Ar. Yew Tung Seang (kiri sekali) menunjukkan pelan pembinaan struktur *ecodeck* bersempena sesi lawatan di sini baru-baru ini.**




**ILUSTRASI artis ecodeck yang siap dibina.**

# Peningkatan ketibaan penumpang antarabangsa, harap segerakan projek pembesaran PIA

Oleh : **AINUL WARDAH SOHILLI**

**GEORGE TOWN** – Lapangan Terbang Antarabangsa Pulau Pinang (PIA) mencatatkan peningkatan dua digit bagi ketibaan penumpang antarabangsa setiap bulan pada 2018.

Ketua Pegawai Eksekutif Penang Global Tourism, Ooi Chok Yan berkata, bermula Januari sehingga Disember 2018, sejumlah 1,782,021 penumpang antarabangsa tiba di PIA berbanding 1,546,741 penumpang pada tempoh sama tahun 2017.

"Angka itu menunjukkan bahawa terdapat peningkatan sebanyak 15.21 peratus secara purata bagi ketibaan penumpang antarabangsa ke Pulau Pinang dengan setiap bulan sepanjang 2018 peningkatan dua digit dicatatkan.

"Bagi pergerakan penumpang pula (secara keseluruhan), peningkatan sebanyak 7.59 peratus direkodkan iaitu daripada 7,232,097 penumpang pada 2017 menjadi 7,780,760 penumpang tahun lalu (2018)," katanya yang merujuk kepada statistik yang dikeluarkan oleh Malaysian Airports Berhad (MAB) bertarikh 14 Januari 2019 di sini.

Dalam pada itu, Ketua Menteri, Y.A.B. Tuan Chow Kon Yeow sebagai mengulas statistik tersebut berkata, peningkatan jumlah ketibaan penumpang yang dicatatkan tahun ini, sekali lagi melebihi kapasiti maksimumnya iaitu 6.5 juta penumpang setahun (mppa).

"Tahun 2017 sebanyak 7.23 mppa direkodkan dan tahun 2018 meningkat lagi kepada 7.78 mppa menunjukkan keadaan di PIA adalah sangat sesak kerana melebihi kapasiti asalnya.

"(Dan) ia (jumlah peningkatan penumpang) menjadi alasan kukuh untuk melaksanakan pembesaran lapangan terbang (PIA)," ujarnya yang turut memaklumkan bahawa Kerajaan Negeri Pulau Pinang masih menunggu berita gembira daripada pihak berkaitan.

Tambah Kon Yeow, cadangan bagi melaksanakan projek pembesaran PIA telah dikemukakan untuk perhatian Kementerian Pengangkutan sebelum Pilihanraya Umum Ke-14 (PRU14), namun masih tiada keputusan muktamad dicapai sehingga kini.

"Lapangan terbang terletak di bawah bidang kuasa Kerajaan Persekutuan, diharap dengan perubahan yang berlaku (selepas PRU14), keputusan bagi melaksanakan projek pembesaran tersebut dapat disegerakan.

"Atau paling tidak dapat memulakan proses panggilan tender (dan sebut harga) bagi cadangan pembesaran tersebut.

"Selagi projek pembesaran tidak dilaksanakan, PIA akan sentiasa sesak malah penambahan penerbangan langsung antarabangsa dan kekerapan penerbangan juga tidak dapat dilakukan pada masa hadapan," katanya.

Berdasarkan statistik yang dikeluarkan oleh MAB itu, antara faktor yang menyumbang kepada peningkatan jumlah ketibaan penumpang adalah pengenalan laluan baharu penerbangan terus tahun lalu.

Syarikat penerbangan *AirAsia* memperkenalkan laluan baharu ke Hanoi dan Phuket pada 1 Julai (2018), *Malindo Airline* (Banda Aceh, 15 Mac dan Nanning, 18 Ogos), *Citilink* (Jakarta, 25 Mac dan Surabaya, 1 November) serta *Qatar Airways* ke Doha mulai 6 Februari.

Selain itu, penambahan kekerapan oleh syarikat penerbangan *Cathay Pacific* ke Hong Kong bertambah daripada 10 kali seminggu menjadi 14 kali seminggu, *Qatar Airways* ke Doha (empat kali seminggu), *China Airlines* ke Taipei (tujuh kali seminggu), *Firefly* ke Phuket (tujuh kali seminggu) dan *Citilink* (14 kali seminggu ke Jakarta).

**Jumlah Ketibaan Penumpang Antarabangsa**

| | | 2018 | 2017 | Peratusan Perubahan (%) |
|---|---|---|---|---|
| Bulan | Januari | 133,590 | 118,906 | 12.35 |
| | Februari | 124,577 | 106,150 | 17.36 |
| | Mac | 148,883 | 123,011 | 21.03 |
| | April | 138,308 | 119,663 | 15.58 |
| | Mei | 136,945 | 123,530 | 10.86 |
| | Jun | 154,725 | 135,149 | 14.48 |
| | Julai | 163,287 | 141,796 | 15.16 |
| | Ogos | 152,132 | 128,621 | 18.28 |
| | September | 145,223 | 124,044 | 17.07 |
| | Oktober | 150,098 | 131,994 | 13.72 |
| | November | 151,011 | 133,385 | 13.21 |
| | Disember | 183,242 (laporan awal) | 160,492 | 14.18 |
| | **JUMLAH** | **1,782,021** | **1,546,741** | **15.21** |

*Sumber : Malaysian Airports Berhad (sehingga 14/01/19)

## Kerajaan perlu beri perhatian serius berhubung kebajikan rakyat dalam soal pemilikan rumah

**BAYAN LEPAS** – Ketua Menteri, Y.A.B. Tuan Chow Kon Yeow menegaskan bahawa tindakan segera perlu dilaksanakan bagi meremajakan semula skim perumahan awam yang mempunyai kadar kepadatan penduduk tinggi di negeri ini yang kini berada dalam keadaan terlalu uzur.

Menurut beliau, usaha tersebut adalah selaras dengan hasrat kerajaan untuk melaksanakan pembaharuan bandar atau meremajakan semula bandar yang melibatkan skim-skim perumahan awam bukan sahaja di Pulau Pinang malah di seluruh negara.

"Ia adalah isu yang kita fikirkan sejak dua tahun kebelakangan ini kerana beberapa projek perumahan yang dibina kira-kira 30 hingga 40 tahun lalu, kini berada dalam keadaan usang.

"Dengan faktor-faktor seperti peningkatan jumlah penduduk serta kerosakan fizikal pada kemudahan dan ruang awam, kini tiba masanya langkah strategik diambil dengan mengamalkan kaedah 3R iaitu merancang semula, membina semula serta menyusun semula bagi tujuan meremajakan projek-projek berkenaan.

"Oleh kerana negeri Pulau Pinang kekurangan tanah, maka skim perumahan awam lama yang sudah terlalu uzur perlu diroboh serta dibina semula.

"Kemudahan awam juga perlu dirancang semula bagi memenuhi keperluan semasa penghuni selain meningkatkan kapasiti skim perumahan awam sebaik sahaja ia dibangunkan semula," ucapnya pada majlis pembukaan Sidang Kemuncak Hartanah Pulau Pinang di sini 5 Januari lalu.

Turut berucap, Exco Perumahan, Kerajaan Tempatan dan Perancangan Bandar & Desa, Jagdeep Singh Deo.

Hadir sama, Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, Zuraida Kamaruddin; Datuk Bandar Majlis Bandaraya Pulau Pinang (MBPP), Dato' Ar. Yew Tung Seang; Yang di-Pertua Majlis Perbandaran Seberang Perai (MPSP), Dato' Sr. Rozali Mohamud; Presiden Persatuan Pemaju Hartanah dan Perumahan Malaysia (REHDA), Datuk Soam Heng Choon; Pengerusi REHDA Pulau Pinang, Datuk Toh Chin Leong; Pengerusi Fiabci Malaysia, Michael Geh serta Pengarah Program Penang Property Summit (PPS) 2018, Ong Ban Seang.

Mengulas lanjut, Kon Yeow menyatakan bahawa terdapat juga keperluan untuk menyemak semula senarai pemohon skim perumahan awam bagi memastikan hanya mereka yang benar-benar layak sahaja dapat menikmati kemudahan tersebut.

"Kebajikan rakyat dalam soal pemilikan rumah perlu diberi perhatian serius oleh pihak kerajaan dengan melaksanakan beberapa mekanisme untuk memastikan unit-unit rumah tersebut tidak berubah menjadi asrama bagi pekerja asing," katanya yang juga Exco Hal Ehwal Tanah & Pembangunan Tanah, Pengangkutan dan Komunikasi.

Dalam pada itu, ketika ditanya mengenai isu undang-undang pada sidang akhbar selepas mengadakan rundingan meja bulat bersama-sama pihak pemaju, Zuraida menyatakan bahawa terdapat beberapa pindaan yang masih belum diserahkan kepada Pejabat Peguam Negara.

"Kita (kerajaan) akan mengkaji semula beberapa undang-undang untuk membolehkan kita (Kerajaan) melakukan sesuatu mengenai projek perumahan awam lama yang usang atau terlalu uzur yang mana bangunan-bangunan tersebut perlu dibina semula dengan kediaman lebih baik khususnya untuk kumpulan B40 (berpendapatan bawah 40 peratus).

"Ia (pindaan undang-undang) boleh dilakukan pada tahun ini juga kerana hanya melibatkan beberapa pindaan kecil sahaja terhadap Akta yang sedia ada," jelasnya.

## Tambah baik infrastruktur kawasan industri, harap Persekutuan dapat sama membantu

**BUKIT TAMBUN** - Ketua Menteri, Y.A.B. Tuan Chow Kon Yeow menegaskan bahawa penambahbaikan infrastruktur khususnya di kawasan perindustrian dekat Batu Kawan adalah amat penting dalam usaha menarik pelabur ke negeri ini.

Justeru, katanya, Kerajaan Negeri melalui Perbadanan Pembangunan Pulau Pinang (PDC) kini sedang merancang untuk membina jambatan bagi menghubungkan Batu Kawan ke Nibong Tebal serta jalan yang menyambungkan Bukit Tambun dan Jawi dengan kos kira-kira RM300 juta.

"Penambahbaikan infrastruktur adalah amat penting untuk memastikan kawasan industri dan pembangunan baru dapat menarik pelaburan untuk mendirikan industri komersial serta kediaman supaya pembangunan menjadi lebih seimbang.

"Bagaimanapun, kos untuk menyediakan pelbagai infrastruktur ini adalah sangat tinggi, dan kita (Kerajaan Negeri) berharap agar Kerajaan Persekutuan dapat membantu kerana projek-projek yang dirancang memerlukan kos sehingga ratusan juta ringgit," ujar beliau semasa merasmikan pembukaan Jalan PSPN 2 dekat *Penang Science Park* di sini 10 Januari lalu.

Hadir sama, Timbalan Ketua Menteri I, Dato' Ir. Ahmad Zakiyuddin Abdul Rahman; Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Bukit Tengah, Gooi Hsiao-Leung; ADUN Bukit Tambun, Goh Choon Aik; Ahli Parlimen Batu Kawan, P. Kasthuriraani; Yang di-Pertua Majlis Perbandaran Seberang Perai (MPSP), Dato' Sr. Rozali Mohamud dan Pengurus Besar PDC, Datuk Rosli Jaafar.

Difahamkan, kerja-kerja pembinaan Jalan PSPN 2 adalah berkelebaran 30 meter serta mempunyai reka bentuk tiga lorong dua hala sepanjang 1.6 kilometer (km).

Projek berkenaan dilaksanakan dalam dua fasa yang mana fasa pertama sepanjang kira-kira 0.8km dengan kos pembinaan sebanyak RM9.6 juta yang siap pada 2016, manakala fasa kedua, kira-kira 0.8km (RM9.5 juta).

Mengulas lanjut, Kon Yeow menjelaskan bahawa pembinaan Jalan PSPN 2 adalah dibiayai sepenuhnya oleh pihak PDC dengan kos keseluruhan berjumlah RM20 juta.

"PDC mengambil inisiatif meningkatkan rangkaian pengangkutan jalan sedia ada dengan membina Jalan PSPN 2 sebagai laluan alternatif bagi membolehkan trafik dari Batu Kawan dan Bukit Tambun terus ke kawasan Juru menggunakan laluan ke Plaza Tol Bukit Tambun.

"Dengan komitmen sambungan dan akses jalan yang baik ini juga turut akan memberi manfaat kepada kawasan berdekatan dengan Seberang Perai Selatan, seperti Byram yang bakal menjadi satu tarikan utama bagi operasi perkilangan serta pertumbuhan ekonomi kelak.

"Justeru, terima kasih kepada pihak PDC dan MPSP atas usaha dedikasi serta proaktif dalam memberi sokongan dan menyediakan infrastruktur untuk memudahkan keperluan pembangunan perniagaan, khususnya di kawasan Seberang Perai," jelasnya.

Sebagai rekod, kawasan perindustrian *Penang Science Park* yang sebelumnya berkeluasan 282 ekar kini telah meningkat sebanyak 298 ekar (utara) dan 119 ekar (selatan) yang menjadikan keseluruhan keluasan adalah seluas 699 ekar.

# Denggi, tanggungjawab komuniti amat penting

Oleh : **ZAINULFAQAR YAACOB**

**GEORGE TOWN –** Sebanyak 290 kes denggi dilaporkan di Pulau Pinang pada minggu kedua tahun ini (6 hingga 12 Januari 2019), berbanding 216 kes pada minggu sebelum itu (30 Disember 2018 hingga 5 Januari 2019), dengan peningkatan sebanyak 74 kes atau 34.26 peratus.

Sehingga minggu kedua bagi tahun 2019 juga, Jabatan Kesihatan Negeri melaporkan terdapat dua kes kematian akibat denggi berbanding tiada kes kematian bagi tempoh yang sama pada tahun 2018.

Menjawab soalan pemberita, Exco Pertanian & Industri Asas Tani, Pembangunan Luar Bandar dan Kesihatan, Dr. Afif Bahardin memberitahu bahawa Jabatan Kesihatan Negeri sedang menggandakan usaha pemeriksaan rumah serta kawasan-kawasan khas wabak, demi memastikan jumlah kes denggi yang



DR. Afif Bahardin.

dilaporkan tidak terus meningkat.

"Sekarang, Jabatan Kesihatan Negeri telah menyediakan suatu peranti dan diedarkan di tujuh hingga sembilan kawasan khas, termasuk kawasan perumahan.

"Selain tindakan daripada JKN, tanggungjawab daripada komuniti juga amat penting terutamanya pada aspek kebersihan.

"Buat masa ini, saya ingin menasihatkan semua untuk memakai ubat cegah gigitan nyamuk dan elak ke luar (rumah) antara jam 6 pagi hingga 8 pagi serta 6 petang hingga 8 malam, yang mana nyamuk ketika itu adalah aktif dan mungkin menggigit anda.

"Sila gunakan racun serangga atau aerosol untuk melindungi diri anda," jelasnya dalam sidang media bersama-sama Ketua Menteri, Y.A.B. Tuan Chow Kon Yeow di sini 16 Januari 2019.

Hadir sama, beberapa Exco Kerajaan Negeri yang lain.

Pada 14 Januari 2019 lalu, Jabatan Kesihatan Negeri mengeluarkan kenyataan bertulis mengenai situasi semasa kes denggi negeri Pulau Pinang dalam tempoh 6 hingga 12 Januari lepas.

Menurut laporan itu, secara kumulatif sehingga 12 Januari 2019 menyaksikan sebanyak 506 kes denggi dilaporkan, berbanding 177 kes bagi tempoh yang sama pada tahun 2018, dengan peningkatan sebanyak 329 kes atau 185.88 peratus.

Menurut laporan statistik yang dikeluarkan Jabatan Kesihatan Negeri mengenai situasi semasa kes denggi di Pulau Pinang menyaksikan 65 lokaliti wabak terkawal; sementara empat lokaliti wabak lain adalah tidak terkawal.

Terdapat lima lokaliti *'hotspot'* iaitu di Mutiara Idaman dan Jermal Court di Daerah Timur Laut; lokaliti Taman Machang Bubok Zon E dan Taman Desa Damai (Lorong Nangka 2-12) di Daerah Seberang Perai Tengah dan lokaliti Taman Merak Jaya di Daerah Seberang Perai Selatan.

# Tapak baharu jajaran *Penang Sky Cab*, Kerajaan Negeri terbuka kepada sebarang cadangan

**GEORGE TOWN –** Cadangan baharu dikemukakan pihak swasta berhubung pemindahan tapak baharu jajaran projek kereta kabel, *Penang Sky Cab* dijangka memerlukan kajian semula.

Projek yang bakal menjadi alternatif terhadap pengangkutan awam sedia ada di Pulau Pinang itu, sebelum ini, mencadangkan jajaran dari Persiaran Karpal Singh (di sebelah pulau) ke Butterworth (di bahagian Seberang Perai).

Malah, pihak Malaysian Resources Corporation Berhad (MRCB) telah berjaya memperoleh kelulusan Jabatan Alam Sekitar (JAS) bagi Laporan Penilaian Kesan Alam Sekitar (EIA) untuk cadangan jajaran asal.

Walau bagaimanapun, menurut Ketua Menteri, Y.A.B. Tuan Chow Kon Yeow, pihaknya (Kerajaan Negeri) turut menerima cadangan baharu bagi memindah jajaran ke suatu lokasi berdekatan dengan terminal feri di Pangkalan Raja Tun Uda.

"Kerajaan Negeri terbuka kepada sebarang cadangan pihak swasta terbabit dan mereka perlu memastikan projek ini boleh dilaksanakan dan sesuai.

"Kita masih menunggu keputusan daripada MRCB bila projek ini dapat dilaksanakan (kerana) melalui pembentangan lalu, apabila mereka bangkitkan isu tersebut (pindahan jajaran), mereka memerlukan sedikit masa untuk mengkaji semula kesesuaian lokasi baharu," ujarnya pada sidang media sejurus Majlis Perhimpunan Anggota Perkhidmatan Awam Bersama-sama YAB Ketua Menteri Pulau Pinang di sini 7 Januari lalu.

Menurut Kon Yeow, selain jajaran tersebut, sebelum ini turut dicadangkan adalah jajaran berdekatan Lebuh Noordin.

"Namun apabila permohonan EIA dibuat, tapak berdekatan Persiaran Karpal Singh yang mendapat kelulusan.

"(Dan) kini, apabila terdapat cadangan untuk memindah jajaran tersebut ke suatu lokasi yang lebih dekat dengan pusat bandar George Town, mereka perlu sedikit masa bagi menjalankan kajian semula selain mendapatkan rakan teknologi untuk membekalkan sistem kereta kabel itu," jelasnya.

Tambah Kon Yeow, salah satu isu yang perlu diberi perhatian oleh pihak MRCB adalah penilaian impak warisan kerana cadangan baharu tersebut akan melibatkan kawasan tapak warisan di George Town.

"Pihak pemaju tidak memerlukan tapak yang luas (untuk pembangunan projek tersebut), boleh jadi ia dibangunkan di atas tanah milik Kerajaan Negeri atau di atas air sendiri.

"Lagipun, jajaran baharu yang dicadangkan itu terletak berdekatan terminal feri atau sekitar Tanjung City Marina yang mana jaraknya (antara pulau ke Seberang Perai) lebih pendek," katanya.

# Naik taraf HPP Fasa 2 siap hujung Februari ini, umum Exco

**GEORGE TOWN –** Projek naik taraf Hospital Pulau Pinang (HPP) kini telah mencapai tahap 99 peratus dan pembangunan fasa dua tersebut dijangka siap sepenuhnya pada penghujung Februari ini.

Perkara tersebut dimaklumkan Exco Pertanian & Industri Asas Tani, Pembangunan Luar Bandar dan Kesihatan, Dr. Afif Bahardin ketika melakukan lawatan kerja bagi meninjau keadaan terkini kerja-kerja naik taraf fasa dua di hospital berkenaan di sini 17 Januari lalu.

Afif ketika ditemui berkata, projek naik taraf HPP fasa dua tersebut merangkumi tiga komponen utama iaitu menaik taraf sistem penyaman udara dan sistem elektrik di Dewan Bedah Utama (GOT), penyaman udara di jabatan/klinik pakar dan naik taraf bangunan *Pediatric Intensive Care Unit* (PICU).

"Alhamdulillah, selepas beberapa tindakan diambil pihak JKR (Jabatan Kerja Raya) bersama-sama pihak hospital dan kontraktor, malah Pengarah JKR juga turun ke Pulau Pinang untuk melihat masalah ini, kita telah mencapai perkembangan memberangsangkan.

"Kemajuan di tapak kini telah mencapai 99 peratus, ada baki kira-kira enam minggu lagi untuk siapkan keseluruhan projek fasa dua ini, dan ia dijangka siap sepenuhnya pada 28 Februari 2019.

"Diharap dengan siapnya kerja-kerja naik taraf fasa dua ini, ia dapat memulih dan kembalikan semula rawatan serta perkhidmatan kesihatan kepada masyarakat Pulau Pinang dan wilayah utara," ujarnya yang juga Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Seberang Jaya.

Hadir sama, Pengarah HPP, Datuk Dr. Norsidah Ismail, wakil-wakil daripada JKR dan pihak kontraktor.

Terdahulu, pada Jun 2018, masalah kelewatan yang berlaku terhadap projek berkenaan terutamanya membabitkan GOT telah mendapat perhatian pihak Kerajaan Negeri dan Kerajaan Persekutuan, malah Afif sendiri selaku Exco bertanggungjawab telah turun padang melihat permasalahan tersebut.

Menurut Afif, kerja-kerja penaiktarafan GOT akan menambah baik prosedur operasi standard (SOP) HPP.

"GOT yang pernah menjadi isu sebelum ini sehingga tular di media sosial dijangka dapat memulakan operasi seawal bulan Mac ini.

"Untuk makluman semua, HPP ini sememangnya sangat sibuk kerana ia juga merupakan pusat rujukan pakar bagi wilayah utara.

"Selain GOT, PICU juga merupakan komponen penting yang dinaik taraf iaitu daripada lapan katil sedia ada kepada 12 katil kesemuanya dengan suasana dan ruang yang lebih luas dan selesa," jelasnya.

Mengulas mengenai penambahbaikan yang akan dijalankan di HPP pada masa hadapan, Afif dalam responsnya menyatakan bahawa beberapa projek naik taraf kini sedang dalam perangkaan dan perancangan pihak Kerajaan Persekutuan yang akan dilaksanakan di bawah Rancangan Malaysia Ke-11 (RMK-11).

"Harapan Kerajaan Negeri adalah fasa-fasa naik taraf selepas ini tidak akan berlaku kelewatan lagi dan dilaksanakan sebaik mungkin oleh kontraktor serta pihak JKR agar perkhidmatan kesihatan di Pulau Pinang dapat diberikan pada kadar optimum dan terbaik untuk rakyat.

"Empat projek yang bakal menyusul iaitu menaik taraf *surgical block* dan wad pesakit, *unit stem cell*, hospital ibu dan kanak-kanak serta kuarters pekerja," katanya.

# MEA hanya memantau PDC, bukan mengambil alih, jelas Ketua Menteri

**AIR PUTIH -** Perbadanan Pembangunan Pulau Pinang (PDC) yang baru-baru ini tersenarai berada di bawah tanggungjawab Kementerian Hal Ehwal Ekonomi (MEA) kini hanya untuk pemantauan dasar.

Perkara tersebut dijelaskan Ketua Menteri, Y.A.B. Tuan Chow Kon Yeow ketika diajukan soalan berhubung perkara tersebut sejurus merasmikan Stesen Bawah Bukit Bendera Fasa 3.

Kon Yeow berkata, dalam sistem pentadbiran negara, kementerian tertentu telah diberikan tanggungjawab.

"Dalam kes ini, ia hanya memantau prestasi bukannya mengambil alih PDC.

"PDC sama juga seperti Perbadanan Bukit Bendera (PHC) yang perlu diluluskan oleh undang-undang, dan ada kuasa undang-undang untuk mengawal pengoperasian serta peranan sesebuah perbadanan.

"Mungkin PDC diletakkan di bawah kementerian supaya mereka boleh tolong jaga dan pantau... kalau mahu wang tolong bagi jugalah," seloroh beliau yang juga Pengerusi PDC ketika diajukan soalan oleh pemberita di sini 19 Januari lalu.

Dua hari sebelum itu, merujuk kepada satu keratan akhbar berbahasa Inggeris, MEA telah mengumumkan bahawa ia kini bertanggungjawab mengawasi 32 agensi kerajaan bagi memperkuatkan proses perancangan pembangunan.

Berita dipetik berkata, skop MEA telah diperkuat dengan fungsi pelaksanaan dan pemantauan dasar serta program pembangunan di peringkat nasional, serantau dan negeri.

# Naik taraf, selenggara perumahan awam demi persekitaran selesa



JAGDEEP Singh Deo (tiga dari kanan), Jason Ong Khan Lee (empat dari kanan) dan wakil-wakil berkaitan meneliti beberapa dokumen dengan berlatarbelakangkan Rumah Pangsa Padang Tembak di sini baru-baru ini.

Oleh : **WATAWA NATAF ZULKIFLI**
Gambar : **DARWINA MOHD. DAUD**

**KEBUN BUNGA –** Kerajaan Negeri membelanjakan sejumlah RM173,523,972.87 bagi menaik taraf dan menyelenggara semua 50 skim Rancangan Perumahan Awam Negeri Pulau Pinang, maklum Jagdeep Singh Deo.

Jagdeep yang merupakan Exco Perumahan, Kerajaan Tempatan dan Perancangan Bandar & Desa berkata, usaha tersebut adalah selaras dengan aspirasi Kerajaan Negeri untuk menyediakan kediaman serta persekitaran yang selesa dan kondusif sejak mengambil alih pemerintahan negeri pada tahun 2008 hingga 2018.

"Daripada jumlah tersebut, sebanyak RM31.65 juta telah dibelanjakan bagi kerja-kerja menaik taraf dan menyelenggara Perumahan Awam Padang Tembak sahaja.

"Bagi tahun 2019, Kerajaan Negeri telah meluluskan peruntukan sebanyak RM2.05 juta lagi bagi kerja-kerja naik taraf dan menyelenggara perumahan awam di sini termasuk pembaikan keretakan tujuh blok bangunan bernilai RM1juta.

"Manakala, kerja-kerja lain termasuk pendawaian elektrik bagi Blok E dan J bernilai RM800,000, penggantian lapisan kalis lembab di bumbung (RM100,000), penurapan simen di kaki lima Blok A dan B (RM50,000) serta menaik taraf bilik sampah (RM100,000) dan jumlah besarnya adalah RM1.05juta," ujarnya.

Beliau berkata demikian pada bersempena lawatan serta pengumuman berhubung penglibatan komuniti Rumah Pangsa Padang Tembak dalam pengasingan sisa di punca di sini 11 Januari lalu.

Hadir sama, Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Kebun Bunga, Jason Ong Khan Lee dan Ketua Penolong Setiausaha Kanan (Perumahan), Ainul Fadhilah Samsudi.

# Bukit Kukus: Kerajaan Negeri tunggu laporan DOSH

**GEORGE TOWN –** Kerajaan Negeri kini sedang menunggu laporan daripada Jawatankuasa Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan (DOSH) sebelum mengambil tindakan lanjut berhubung pembinaan jalan raya berkembar Bukit Kukus ekoran insiden runtuhan lereng tahun lalu.

Ketua Menteri, Y.A.B. Tuan Chow Kon Yeow berkata, keputusan tersebut dibuat selepas pihaknya menerima dua laporan daripada jawatankuasa siasatan khas yang diketuai Timbalan Ketua Menteri I, Dato' Ir. Ahmad Zakiyuddin Abdul Rahman serta Majlis Bandaraya Pulau Pinang (MBPP) pada 9 Januari lalu.

"Tadi, kita (Kerajaan Negeri) menerima laporan daripada pihak MBPP tentang kemungkinan sebab insiden runtuhan berlaku dan pihak yang bertanggungjawab sebelum menentukan tindakan lanjut.

"Setiausaha Kerajaan Negeri (Dato' Seri Farizan Darus) akan berhubung dengan pihak DOSH bagi mendapatkan perkembangan terkini termasuk bilakah arahan henti kerja akan ditarik balik supaya kerja-kerja di tapak dapat diteruskan, dan membolehkan Kerajaan Negeri membuat keputusan untuk mengambil langkah seterusnya," katanya pada sidang media di sini pada hari berkaitan.

Turut serta, barisan Exco Kerajaan Negeri serta Ahli-Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN).

Menjawab soalan pemberita mengenai faktor insiden runtuhan, Kon Yeow menegaskan bahawa perkara tersebut akan didedahkan selepas Kerajaan Negeri menerima laporan dan hasil siasatan lengkap daripada pihak DOSH.

"Lebih baik kita tunggu laporan akhir daripada pihak DOSH kerana mereka adalah badan yang bertanggungjawab dan laporan yang diterima (Kerajaan Negeri) hari ini adalah untuk pengetahuan dalaman sahaja.

"Semuanya bergantung kepada pihak DOSH, dan saya juga percaya bahawa mereka akan mendedahkan hasil laporan tersebut untuk pengetahuan umum," ujarnya.

Terdahulu, Kerajaan Negeri Pulau Pinang mengumumkan penubuhan jawatankuasa siasatan khas insiden tanah runtuh dekat tapak projek pembinaan jalan raya berkembar Paya Terubong di Bukit Kukus yang berlaku pada 19 Oktober tahun lepas.

Selain Ahmad Zakiyuddin, jawatankuasa khas tersebut turut dianggotai Zairil Khir Johari (Exco Kerja Raya, Utiliti dan Tebatan Banjir), seorang jurutera dari Bahagian Perancangan Ekonomi Negeri (BPEN) serta dua jurutera dari Institut Jurutera Malaysia (IEM) Cawangan Pulau Pinang.

# RM60,000 projek cat semula flat Taman Han Chiang

**AIR ITAM -** Kos keseluruhan projek mengecat semula enam blok Taman Han Chiang dekat Jalan Sungkai di sini menelan belanja RM60,000.

Mengulas lanjut, Exco Perumahan, Kerajaan Tempatan dan Perancangan Bandar & Desa, Jagdeep Singh Deo memberitahu bahawa 20 peratus daripada kos projek itu ditanggung oleh Kerajaan Negeri iaitu melalui skim Tabung Penyelenggaraan Maksimum 80 Peratus Pulau Pinang (TPM80PP).

"Bagi projek ini, Kerajaan Negeri akan membiayai RM12,000, sementara baki RM48,000 lagi akan dibiayai oleh Ahli Parlimen Jelutong, R.S.N. Rayer.

"Bagi saya, awal 2019 ini adalah tahun bermakna untuk penduduk Taman Han Chiang untuk bersorak gembira kerana projek-projek penarafan memang boleh dirasai oleh mereka sendiri.

"Fasa pertama kerja-kerja mengecat bangunan flat Taman Han Chiang membabitkan dua blok (iaitu) Blok 25 dan Blok 27, sementara baki empat blok lagi akan dicat kemudian (dalam fasa kedua projek)," jelasnya ketika mengadakan lawatan kerja ke kawasan perumahan tersebut di sini 4 Januari lalu.

Menurut Jagdeep, Kerajaan Negeri Pakatan Harapan Pulau Pinang pada tahun 2018 telah menyiapkan kerja-kerja membaik pulih bumbung di blok rumah pangsa berkenaan, yang menelan belanja kira-kira RM156,000.

Dalam perkembangan lain, beliau menyatakan bahawa pihaknya akan mengadakan pertemuan rasmi dengan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, Zuraida Kamaruddin bagi membincangkan mengenai peruntukan penyelenggaraan Persekutuan untuk kerja-kerja penarafan kemudahan rumah-rumah awam rakyat sedia ada di Pulau Pinang.

"Sejak tahun 2013 hingga bulan Disember 2018, sebanyak 211 permohonan (TPM80PP) telahpun diluluskan dengan kos RM31.23 juta, melibatkan 362 projek.

"Projek-projek penyelenggaraan dan penarafan ini melibatkan penambahbaikan atau penggantian lif, tukar ganti tangki air, penarafan sistem perpaipan, tukar ganti bumbung, kerja-kerja mengecat semula bangunan flat rakyat, penurapan jalan, pembinaan pagar keselamatan serta kes kerosakan akibat bencana alam (berskala kecil)," jelas Jagdeep.

Penolong Setiausaha Bahagian Perumahan Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri, Mohd. Fauzy Mohd. Yusoff dan Pengerusi Jawatankuasa Pengurusan Taman Han Chiang, Ung Lay Peng turut sertai lawatan kerja tersebut.

# Kolaborasi institusi kewangan Islam, IKS diharap lonjak pontensi industri halal negeri

Gambar : **ADLEENA RAHAYU AHMAD RADZI**

**BAYAN LEPAS** - Industri halal global yang kian berkembang sihat serta dijangka meningkat kepada 3.1 trilion Dolar Amerika Syarikat (USD) menjelang tahun 2022 kelak diharap turut membawa limpahan kemewahan dan ekonomi ke Pulau Pinang.

Mengulas lanjut, Ketua Menteri, Y.A.B. Tuan Chow Kon Yeow memberitahu bahawa Kerajaan Negeri Pakatan Harapan Pulau Pinang begitu berharap semua institusi kewangan serta perbankan Islam dapat saling bekerjasama dengan para pengusaha industri kecil dan sederhana (IKS) demi melonjak lagi potensi industri halal negeri di Pulau Pinang.

"Industri halal adalah sektor perniagaan yang sedang berkembang pesat serta menjana faedah, dengan wujudnya (pelbagai instrumen dan institusi) kewangan Islam.

"Melihat ke hadapan, (institusi perbankan dan) kewangan Islam sewajarnya menggalakkan perkembangan pasaran sektor industri halal serta syarikat-syarikat perdagangan (berasaskan produk halal dan perkhidmatan)," ucapnya dalam penganjuran *Islamic Finance Rendezvous Series 2019* di sini 14 Januari 2019.

Turut berucap, Penolong Gabenor Bank Negara Malaysia (BNM), Adnan Zaylani Mohamad Zahid.

Kon Yeow yang juga Exco Hal Ehwal Tanah & Pembangunan Tanah, Pengangkutan dan Komunikasi menyatakan bahawa Kerajaan Negeri pada 11 Ogos 2008 lagi menubuhkan Hab Halal Antarabangsa Pulau Pinang (PIHH) sebagai dorongan langsung bagi memenuhi permintaan pengguna global yang kian meningkat dalam sektor berkaitan produk serta perkhidmatan halal.



**KETUA Menteri memberi tumpuan terhadap penjelasan salah seorang wakil yang mengambil bahagian dalam penganjuran *Islamic Finance Rendezvous Series 2019* di sini baru-baru ini.**

Selain itu, beliau turut merakamkan penghargaan kepada Persatuan Institusi Perbankan Islam Malaysia (AIBIM), Bank Negara Malaysia (BNM) & Persatuan Takaful Malaysia atas penganjuran persidangan tersebut.

Kon Yeow dalam pada itu turut berharap persidangan seumpama berkaitan dapat menjadi jambatan secara langsung untuk semua pihak berkepentingan dalam memakmurkan lagi ekonomi Pulau Pinang.

Difahamkan, pada tahun 2017, sejumlah 290,000 permohonan baru berkaitan kewangan Islam telah diluluskan untuk IKS, dengan nilai kira-kira RM73.4 bilion berdasarkan sumber BNM.

Manakala di Pulau Pinang pula, RM4 bilion nilai kewangan Islam berkaitan IKS bagi tahun 2017 meletakkan negeri ini di kedudukan lima terbaik berbanding negeri-negeri lain.

"SME Pulau Pinang berada di kedudukan lima terbaik, menyumbang kira-kira 7.4 peratus atau 66,921 daripada keseluruhan (permohonan baru berkaitan kewangan Islam) di Malaysia," jelasnya.

Dalam perkembangan lain, Kon Yeow yang juga Ahli Parlimen Tanjong merangkap Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Padang Kota berkata, Lembaga Pembangunan Pelaburan Malaysia (MIDA) merekodkan pelaburan keseluruhan ke Pulau Pinang dalam suku ketiga tahun lepas (Q3 2018: Januari - September) adalah sejumlah RM3.8 bilion.

## REHDA, BNM bincang kurangkan kadar faedah pinjaman pembeli rumah pertama

Oleh : **SUNARTI YUSOFF**

**GEORGE TOWN** – Pelbagai langkah diambil oleh Kerajaan Negeri bersama-sama pihak berkepentingan dalam sektor perumahan bagi merangsang pertumbuhan sektor hartanah di negeri ini.

Terbaru, kata Exco Perumahan, Kerajaan Tempatan dan Perancangan Bandar & Desa, Jagdeep Singh Deo, satu perbincangan mengenai cadangan untuk mengurangkan kadar faedah pinjaman kepada pembeli rumah pertama telah diadakan antara Persatuan Pemaju Hartanah dan Perumahan Malaysia (REHDA) dengan Bank Negara Malaysia (BNM).

"Terdapat perbincangan antara pihak REHDA dan Bank Negara Malaysia yang difahamkan telah pun hampir mencapai kata muktamad.

"Beberapa cadangan diberikan iaitu mengurangkan kadar faedah pinjaman kepada pembeli rumah pertama terutama rumah mampu milik serta tempoh masa pinjaman dipanjangkan agar bayaran balik akan menjadi berkurangan," katanya yang turut menzahirkan penghargaan kepada pihak berkaitan pada sidang media di sini 17 Januari lalu.

Turut serta, Pengerusi REHDA Pulau Pinang, Datuk Toh Chin Leong; Naib Presiden Fiabci Malaysia, Tan Sri Alex Ooi Kee Liang serta Ahli Jawatankuasa Dewan Perniagaan Tionghua Pulau Pinang, Leon Lee.

Dalam perkembangan berkaitan, Jagdeep turut memaklumkan bahawa isu kadar penolakan pinjaman yang tinggi terutama bagi pembeli rumah pertama di negara ini juga telah diambil perhatian oleh Kerajaan Persekutuan.

"Isu kadar penolakan pinjaman yang tinggi terutama bagi pembeli rumah mampu milik pertama menjadi cabaran utama dalam sektor hartanah sejak dari dahulu lagi.

"Malangnya, di bawah pentadbiran kerajaan terdahulu, tiada langkah-langkah diambil bagi mengatasi isu ini.

"Walau bagaimanapun, di bawah kerajaan baru (Pakatan Harapan) dilihat ada langkah-langkah diambil sepertimana pengumuman oleh Menteri Kewangan (Lim Guan Eng) dalam Belanjawan 2019 baru-baru ini iaitu pengecualian duti setem diberikan kepada beberapa transaksi yang berlaku.

"Dan saya percaya langkah ini akan merangsangkan lagi sektor hartanah di seluruh Malaysia," katanya lagi.

Terdahulu, Lim Guan Eng semasa membentangkan Belanjawan 2019 mengumumkan pengecualian duti setem ke atas surat cara pindah milik bagi pembelian rumah pertama berharga antara RM300,001 hingga RM1 juta berkuatkuasa bagi tempoh enam bulan mulai 1 Januari 2019.

Langkah itu, menurut Guan Eng, adalah sebahagian daripada Kempen Pemilikan Rumah Kebangsaan yang mana pemaju akan menawarkan potongan diskaun 10 peratus ke atas harga hartanah kediaman projek sedia ada.



**JAGDEEP Singh Deo (tiga dari kanan) bersama-sama wakil REHDA dan Bahagian Perumahan Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri pada majlis sidang media di sini baru-baru ini.**

## Lif Perumahan Kastam Bukit Gelugor dinaik taraf




**LIM Guan Eng (kanan sekali) menyempurnakan Majlis Pelancaran Projek Naik Taraf Lif Perumahan Kastam Bukit Gelugor di sini baru-baru ini.**

**SERI DELIMA** – Lif yang sudah 20 tahun tidak diganti dekat Perumahan Kastam Bukit Gelugor kini berubah wajah, ujar Menteri Kewangan, Lim Guan Eng.

Beliau memberitahu, kerja-kerja menaik taraf empat lif berkenaan menelan belanja sebanyak RM998,900.

"Melalui naik taraf ini, kita nak ubah sistem sikit, kita tak mahu kerajaan 'atas ke bawah', sebaliknya kalau boleh kita nak campur-aduk sikit nanti kita nak lihat dari 'bawah naik ke atas' (permohonan yang dikemukakan rakyat kepada kerajaan).

"Dan inilah salah satu contoh projek 'bawah naik ke atas' atas inisiatif Persatuan Penduduk Perumahan Kastam Bukit Gelugor.

"Sekiranya ada penglibatan seperti ini, bukan sahaja ianya dapat digunakan sebaik-baiknya, malah juga bakal pastikan ia memberi manfaat, keberhasilan 100 peratus kepada penduduk di sini," ucapnya pada Majlis Pelancaran Projek Naik Taraf Lif Perumahan Kastam Bukit Gelugor di sini baru-baru ini.

Hadir sama, Exco Kerja Raya, Utiliti dan Tebatan Banjir, Zairil Khir Johari; Exco Pembangunan Pelancongan, Warisan, Kebudayaan dan Kesenian, Yeoh Soon Hin; Pengarah Jabatan Kerja Raya (JKR) Pulau Pinang; Ir. Shahabuddin Muhayidin; Pengarah Kastam Diraja Malaysia (KDRM) Pulau Pinang, Datuk Zaidi Ismail dan Pengerusi Persatuan Penduduk Perumahan Kastam Bukit Gelugor, Faizal Md. Yusof.

Guan Eng yang juga Ahli Parlimen Bagan berharap, projek terbabit yang dijangka memakan masa selama enam bulan dapat disiapkan sebelum sambutan Hari Raya Aidilfitri nanti.

Dalam pada itu, Faizal ketika ditemui berkata, permohonan untuk menaik taraf lif berkenaan diutarakan kepada Zairil pada bulan Jun 2018.

"Kami banyak menerima rungutan daripada penduduk apabila mereka terpaksa menaiki tangga sehingga ke tingkat 20 dan lebih memeritkan lagi ia berlaku pada bulan Ramadan tahun lalu," ujarnya.

# Pelaburan RM501 juta PBA dalam projek kejuruteraan bagi manfaat rakyat masa hadapan

Oleh : **AINUL WARDAH SOHILLI**

**GEORGE TOWN –** Perbadanan Bekalan Air Pulau Pinang (PBAPP) Sdn. Bhd. merancang untuk melabur sebanyak RM501 juta dalam projek bekalan air bagi negeri ini dalam tempoh 2019 sehingga 2021.

Ketua Menteri, Y.A.B. Tuan Chow Kon Yeow selaku Pengerusi Bukan Eksekutif PBAPP berkata, pelaburan besar tersebut diperlukan bagi membiayai lima projek utama bekalan air.

Lima projek tersebut adalah projek Saluran Dasar Laut Ketiga, Skim Penyaluran Air Mentah Sungai Perak (SPRWTS), menaik taraf kemudahan rawatan air sedia ada, penggantian saluran paip baharu dan pengurusan air tanpa hasil (NRW).

"Sejak pengkorporatan PBAPP pada tahun 1999, tiada insiden catuan air berlaku dan PBAPP mahu mengekalkan rekod ini, kita (PBAPP) tidak merancang untuk melaksanakan catuan air, malah merancang untuk mengelakkannya.

"Namun, kekurangan air yang dilaporkan dalam tempoh 2014 – 2017 di Kuala Lumpur, Putrajaya, Selangor, Johor, Kedah, Negeri Sembilan dan Perak membuatkan PBAPP sentiasa berusaha untuk terus memenuhi permintaan air negara," ujarnya pada sidang media di sini 14 Januari lalu.

Hadir sama, Ketua Pegawai Eksekutif PBAPP, Dato' Ir. Jaseni Maidinsa.

Menurut Kon Yeow, pada tahun 2017, purata permintaan air di Pulau Pinang adalah sebanyak 826 juta liter sehari (MLD).

"(Dan) berdasarkan Kajian Pelan Induk Bagi Air Minum di Pulau Pinang yang ditauliahkan pada 2009, menjelang 2050, permintan air di Pulau Pinang diunjurkan meningkat 128 peratus menjadi 1,884 MLD.

"Oleh itu, PBAPP merancang untuk melabur RM501 juta dalam projek-projek kejuruteraan bekalan air di Pulau Pinang untuk manfaat rakyat pada masa hadapan

"Tanpa projek ini, Pulau Pinang terdedah kepada risiko krisis air yang lebih tinggi terutamanya ketika musim kemarau berlanjutan setiap tahun," jelasnya. (Rujuk Lampiran A).

Sebagai rekod, untuk tempoh tiga tahun iaitu 2015 hingga 2017, PBA Holdings Berhad (syarikat senaraian awam yang memiliki PBAPP) melaporkan keuntungan selepas cukai (PAT) berjumlah RM137 juta.

Mengulas lanjut, Kon Yeow menyatakan bahawa PBAPP dalam pada itu, turut memohon semakan tarif di Pulau Pinang bagi meningkatkan dana sedia ada untuk merealisasikan projek kejuruteraan bekalan air di negeri ini.

"Buat masa ini, kita (PBAPP) masih menunggu keputusan pengumuman mengenai tarif baharu kerana ia (keputusan) terletak di tangan Kabinet.

"(Dan) sekiranya semakan tarif air diluluskan oleh Kerajaan Persekutuan bagi seluruh negeri di Malaysia, maka semua hasil tambahan daripada semakan tarif air ini akan dilaburkan semula bagi membiayai projek-projek tersebut demi kepentingan rakyat," katanya.

**LAMPIRAN A:**

Pelaburan RM501 juta diperlukan untuk membiayai projek-projek bekalan air berikut yang perlu dilaksanakan:

| Projek-projek utama | Faedah |
|---|---|
| 1 Saluran Paip Berkembar Dasar Laut 1200mm Butterworth-Pulau Pinang | • Tiada catuan air di bahagian pulau.<br>• Pengagihan air terawat yang(Saluran Dasar Laut ketiga) lebih efisien dari Loji Rawatan Air Sungai Dua di Seberang Prai.<br>• Memberi sokongan kepada saluran dasar laut pertama yang ditauliahkan pada tahun 1973.<br>• Untuk memenuhi permintaan air masa depan bagi bahagian pulau. |
| 2 Skim Penyaluran Air Mentah Sungai Perak (SPRWTS) | • Sumber air mentah baru kedua bagi Negeri Pulau Pinang.<br>• Mengurangkan risiko terlalu bergantung pada Sungai Muda, sumber yang dikongsi dengan Kedah.<br>• Kecukupan dan jaminan air mentah sehingga tahun 2050.<br>• Tiada catuan air pada masa hadapan. |
| 3 Menaik taraf Loji Rawatan Air, Kolam air dan Rumah Pam sedia ada | • Tiada catuan air.<br>• Mengekalkan perkhidmatan bekalan air yang baik dan berterusan di Pulau Pinang menjelang 2030.<br>• Mengoptimumkan jangka hayat infrastruktur sedia ada.<br>• Meminimumkan keperluan infrastruktur baru yang mahal. |
| 4 Saluran paip baru / Penggantian saluran paip | • Bekalkan lebih air kekawasan pertumbuhan baharu.<br>• Menambah baik pengagihan air ke kawasan yang sedia ada.<br>• Mengurangkan insiden paip pecah.<br>•Meminimumkan peratus air tanpa hasil (NRW). |
| 5 Pengurusan Air Tanpa Hasil (NRW) | •Mengurangkan kehilangan air terawat.<br>•Menambah baik kecekapan pengagihan air seluruh Negeri Pulau Pinang, terutama ketika musim kemarau. |

## Pulau Pinang, Perak dan KATS bekerjasama selesai isu SPRWTS



CHOW Kon Yeow.

**GEORGE TOWN –** Kementerian Air, Tanah dan Sumber Asli (KATS) bersama-sama Kerajaan Negeri Pulau Pinang dan Perak, setelah sekian lama, kini bekerjasama untuk mencari penyelesaian isu Skim Penyaluran Air Mentah Sungai Perak (SPRWTS).

Ketua Pegawai Eksekutif Perbadanan Bekalan Air Pulau Pinang (PBAPP) Sdn. Bhd., Dato' Ir. Jaseni Maidinsa berkata, usaha sama buat pertama kali itu bukan sahaja mempercepatkan penyelesaian isu SPRWTS tetapi juga menjamin bekalan air mentah baru bagi negeri Pulau Pinang.

"PBAPP telah bertemu dengan Menteri berkaitan dan menjelaskan kepada beliau mengenai keperluan segera sumber air mentah kedua bagi Pulau Pinang.

"Pertemuan terakhir adalah pada Mac 2015, iaitu ketika Barisan Nasional (BN) memegang tampuk pentadbiran…dan sejak itu sehingga kini barulah dapat dimulakan semula," katanya pada sidang media di sini baru-baru ini.

Sebagai respons, Ketua Menteri, Y.A.B. Tuan Chow Kon Yeow berkata, bagi pihak Kerajaan Negeri Pulau Pinang, beliau mahu melihat isu tertangguh itu diselesaikan segera.

"Buat masa ini, kita (Kerajaan Negeri) tidak dapat memberikan apa-apa maklumat terperinci kerana rundingan baru dimulakan semula dan mungkin akan mengambil masa setahun atau lebih.

"(Dan) setelah rundingan, pelaksanaan skim tersebut mungkin akan mengambil masa beberapa tahun lagi.

"Sekiranya berjaya, ia akan mengurangkan risiko kebergantungan terhadap sumber air mentah dari Sungai Muda dan menjamin kecukupan air mentah sehingga 2050," katanya yang juga Pengerusi Bukan Eksekutif PBAPP.

# Semak tarif air domestik hanya dilaksana sekali dalam tempoh 2008 - 2017

**GEORGE TOWN –** Ketua Menteri Y.A.B Tuan Chow Kon Yeow memberi penjelasan mengenai dakwaan sesetengah pihak konon-konon tarif air domestik di Pulau Pinang telah beberapa kali disemak sejak tahun 2008.

Dalam tempoh 2008 hingga 2017, menurut beliau, tarif air domestik di Pulau Pinang hanya sekali sahaja disemak iaitu pada tahun 2015.

Jelasnya, tarif air domestik pada kadar RM0.32 bagi setiap 1,000 liter untuk 35,000 liter sebulan pertama adalah masih merupakan tarif air domestik terendah berbanding negeri-negeri lain.

"Pengenalan WCS (surcaj pemeliharaan air) yang mula diperkenalkan pada tahun 2010 dan semakan pada tahun 2013 tidak boleh dianggap sebagai semakan tarif air domestik.

"Sebanyak 77 peratus pengguna air domestik yang guna kurang daripada 35,000 liter sebulan masih menikmati tarif air domestik sedia ada dan langsung tidak membayar WSC pun.

"Ini, bermakna WSC memang boleh dielakkan dan tidak patut dianggap sebagai sama dengan langkah semak tarif air domestik yang sekali sahaja dilaksanakan dalam dalam tempoh 2008 hingga 2017, iaitu pada tahun 2015," sidang media di sini 16 Januari 2019. (Rujuk Lampiran B).

Hadir sama, beberapa Exco Kerajaan Negeri Pakatan Harapan Pulau Pinang serta Pengurus Besar PBAPP, Dato' Ir. Jaseni Maidinsa.

PBAPP memohon untuk semakan tarif air di Pulau Pinang kerana:

• PBAPP merancang untuk melabur sebanyak RM501 juta dalam projek bekalan air dalam tempoh 2019 - 2021. Projek-projek ini termasuk Saluran Paip Berkembar Dasar Laut Butterworth-Pulau Pinang, Skim Penyaluran Air Mentah Sungai Perak, menaik taraf semua kemudahan bekalan air sedia ada dan pemasangan saluran paip baru dan penggantian saluran paip.

• Subsidi air di Pulau Pinang untuk 2017 dan 2018 berjumlah RM163.2 juta. Tahap subsidi tidak mampan dan perlu dikurangkan agar dana dapat digunakan bagi projek-projek bekalan air yang penting.

• Permintaan air di Pulau Pinang dijangka meningkat daripada 826 juta liter sehari (MLD) pada 2017 kepada 1,884 MLD pada tahun 2050. PBAPP perlu menaik taraf dan mengoptimumkan infrastruktur bekalan air untuk mengelakkan kekurangan bekalan air di masa depan.

• Dalam era perubahan iklim ini, PBAPP mesti meminimumkan risiko catuan air di negeri yang mempunyai sumber air mentah yang terhad.

Sehingga Januari 2019, PBAPP dapat memenuhi semua keperluan bekalan air Pulau Pinang.

# Purata tarif air domestik Pulau Pinang 116% bawah purata kebangsaan

Oleh : **NORSHAHIDA YUSOFF**

**PANTAI JEREJAK -** Kerajaan Negeri menjelaskan bahawa permohonan semakan semula tarif air yang dibuat kepada Kerajaan Persekutuan melalui Suruhanjaya Perkhidmatan Air Negara (SPAN) adalah bagi membiayai projek kejuruteraan bekalan air yang sudah dirancang Perbadanan Bekalan Air Pulau Pinang (PBAPP) bagi tempoh 2019 hingga 2021.

Ketua Menteri, Y.A.B. Tuan Chow Kon Yeow berkata, purata tarif air domestik Pulau Pinang sebanyak RM0.32 bagi setiap 1,000 liter perlu disemak semula kerana ia adalah 116 peratus di bawah purata kebangsaan iaitu RM0.69 sen.

Jelasnya, purata air negeri pada kadar RM0.32 adalah yang paling rendah di Malaysia kerana PBAPP menanggung subsidi yang tinggi hingga membawa kepada subsidi tidak mampan. (Rujuk Lampiran B).

"Subsidi berjumlah RM163.2 juta sepanjang tempoh dua tahun adalah tidak mampan kerana PBAPP memerlukan dana mencukupi untuk melaksanakan projek kejuruteraan bekalan air yang telah dirancang.

"Kesemua projek ini adalah bertujuan memastikan kelestarian dan jaminan bekalan air di Pulau Pinang, serta tiada catuan air menjelang 2050.

"Umum perlu ketahui, di Pulau Pinang, PBAPP tidak merancang untuk melaksanakan catuan air, justeru demi mengelakkan catuan air, tarif ini perlu disemak semula demi manfaat 1.76 juta pengguna serta semua perniagaan yang beroperasi di negeri ini," ujar Kon Yeow yang juga Pengerusi PBAPP pada sidang media sejurus Majlis Sambutan Hari Natal dan Tahun Baru dekat Perbadanan Pembangunan Pulau Pinang (PDC) di sini 15 Januari lalu.

Turut serta, Exco Perumahan, Kerajaan Tempatan dan Perancangan Bandar & Desa, Jagdeep Singh Deo dan Ketua Pegawai Eksekutif PBAPP, Dato' Ir. Jaseni Maidinsa.

Dalam pada itu, pada sidang media sama, Jaseni menyatakan bahawa cadangan semakan tarif air yang telah dibuat adalah bagi mengurangkan subsidi air domestik dan bukannya penghapusan (subsidi).

"Ia adalah bertujuan mengurangkan subsidi dan meningkatkan pendapatan daripada penggunaan perniagaan untuk membiayai projek kejuruteraan bekalan air yang dirancang.

"Di dalam cadangan tersebut, PBAPP akan terus memberikan subsidi kepada pengguna air domestik, walau bagaimanapun, jumlah subsidi tersebut akan berkurangan," katanya.

Menurut Jaseni, lima projek utama yang akan dilaksanakan dalam tempoh 2019-2021 ialah saluran paip berkembar dasar laut 1200mm Butterworth - Pulau Pinang yang merupakan saluran paip dasar laut ketiga); Skim Penyaluran Air Mentah Sungai Perak (SPRWTS); menaik taraf semula loji rawatan air, kolam air dan rumah pam sedia ada; pemasangan saluran paip baharu atau penggantian semula paip sedia ada serta pengurusan Air Tanpa Hasil (NRW).

"Sekiranya semakan tarif (air) ini diluluskan, semua hasil tambahan daripada tarif tersebut akan dilaburkan semula kepada projek-projek PBAPP," ujarnya lanjut.




**LAMPIRAN B.**

---

# PBAPP jamin semakan tarif air tidak bebankan KIR berpendapatan rendah dan rumah ibadat

**KEBUN BUNGA -** Perbadanan Bekalan Air Pulau Pinang (PBAPP) memberi jaminan bahawa cadangan bagi menyemak semula tarif bekalan air di negeri ini tidak akan membebankan kumpulan isi rumah (KIR) berpendapatan rendah.

Jaminan tersebut turut membabitkan rumah ibadat seluruh negeri yang menikmati kadar tarif istimewa dengan rebat sebanyak RM5 bagi bil di bawah RM50 dan rebat RM10 bagi bil melebihi RM50.

Ketua Menteri, Y.A.B. Tuan Chow Kon Yeow selaku Pengerusi Bukan Eksekutif PBAPP berkata, PBAPP akan terus komited melaksanakan semua skim tanggungjawab sosial korporat (CSR) yang berkaitan dengan bekalan air, pinjaman dan rebat di negeri ini.

Dalam pada itu, Ketua Pegawai Eksekutif PBAPP, Dato' Ir. Jaseni Maidinsa ketika diminta mengulas berkata, tiga kumpulan penerima manfaat yang menikmati komitmen CSR PBAPP adalah mereka yang tinggal di Skim Projek Perumahan Rakyat Termiskin (PPRT) dengan pendapatan isi rumah RM790 sebulan atau kurang, golongan berpendapatan rendah iaitu pendapatan isi rumah RM1,000 sebulan atau kurang dan juga institusi masjid, gereja, tokong dan kuil. (Rujuk Lampiran C).

"Pada tahun 2017, PBAPP memberi bantuan kepada 199 keluarga di Skim PPRT dengan jumlah kos sebanyak RM16,482, selain memberikan 'Kampung Loan' bagi penyambungan paip air dan pinjaman tanpa faedah berjumlah RM133,870 kepada 90 isi rumah berpendapatan rendah.

"Malah, 1,788 rumah ibadat seperti masjid, surau, gereja, tokong serta kuil menikmati rebat istimewa berjumlah RM71,080 pada tahun sama (2017) dan semua manfaat ini akan diteruskan bagi tahun 2019 serta pada masa hadapan," ujarnya di sini 17 Januari lalu.

Menurut Jaseni, sejak 1999, PBAPP telah memberi subsidi penggunaan air domestik untuk 35,000 liter pertama sebulan pada 2017 ia telah memanfaatkan 604,547 pengguna air domestik.



IR. Jaseni Maidinsa.

"Subsidi tahunan yang tinggi itu tidak mampan memandangkan PBAPP perlu meningkatkan dana mencukupi bagi pelaksanaan projek pembangunan bekalan air dalam memastikan tiada catuan air pada masa hadapan.

"Oleh itu, semakan tarif air akan membolehkan PBAPP melaksanakan projek kejuruteraan bekalan air bernilai RM501 juta bagi tempoh tiga tahun sehingga 2021 nanti.

"(Dan) orang ramai perlu tahu, PBAPP akan terus memberikan subsidi untuk penggunaan domestik 35,000 liter air pertama walaupun selepas cadangan semakan tarif dan PBAPP tidak menikmati keuntungan daripadanya," jelasnya.

Dalam pada itu, Jaseni turut meminta orang ramai agar tidak terperdaya dengan sebarang dakwaan dan khabar angin kononnya cadangan semakan tarif air di Pulau Pinang akan menjejaskan atau membebankan golongan miskin tegar dan berpendapatan rendah.

**Lampiran C: Komitmen CSR utama PBAPP meliputi:**

| | Penerima Manfaat | Manfaat |
|---|---|---|
| 1 | Skim PPRT (Pendapatan Isi rumah RM790 sebulan atau kurang) | Kategori 1: Tiada sambungan paip air.<br>• 1 sambungan paip **PERCUMA** ke kediaman.<br>Kategori 2: Sambungan paip sedia ada.<br>• Bekalan air **PERCUMA** sehingga 60,000 liter setiap kitaran (2 bulan). |
| 2 | Kediaman Golongan Berpendapatan Rendah (Pendapatan isi rumah RM1,000 sebulan atau kurang) | • **PINJAMAN TANPA FAEDAH SEHINGGA RM1,500** (dibayar balik dalam 50 ansuran melalui bil air).<br>• **PENGECUALIAN** untuk sumbangan sesalur utama . |
| 3 | Institusi Masjid, Gereja, Tokong dan Kuil | • **KADAR TARIF** Istimewa.<br>• **REBAT** RM5.00 untuk bil kurang daripada RM50.00.<br>• **REBAT** RM10.00 untuk bil melebihi RM50.00. |

# Pemberian lesen premis perniagaan usaha rancakkan kembali ekonomi setempat

Oleh : **SUNARTI YUSOFF**
Gambar : **ADUN**

**BAGAN DALAM –** Seramai 23 peniaga yang menjalankan perniagaan *'Car Boot Sale'* (Jualan But Kereta) secara kecil-kecilan menerima Lesen Premis Perniagaan daripada Majlis Perbandaran Seberang Perai (MPSP).

Lesen berkenaan diserahkan kepada para peniaga terlibat oleh Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Bagan Dalam, M. Satees dalam satu majlis yang diadakan di C-Section dekat Jalan Bagan Luar 2 di sini baru-baru ini.

Satees berkata, kelulusan pemberian lesen premis perniagaan itu adalah salah satu daripada usaha merancakkan kembali ekonomi setempat sebagaimana yang dijanjikan dalam manifesto Pilihan Raya Umum Ke-14 (PRU-14) bagi kawasan Bagan Dalam.

"Melalui pemerkasaan peniaga-peniaga kecil ini, ia secara tidak langsung akan merancakkan lagi aktiviti ekonomi tempatan di Butterworth.

"Saya juga akan menganjurkan beberapa program lain untuk memberi pendedahan kepada para peniaga mengenai insentif yang disediakan oleh Kerajaan Negeri dan Persekutuan seperti pembiayaan mudah, pinjaman tanpa faedah serta lain-lain skim yang berkaitan.

"Paling penting adalah para peniaga harus cekal dan sentiasa berusaha untuk meningkatkan kebolehan serta kemahiran dalam mengembangkan lagi perniagaan mereka," katanya.



M. Satees (duduk, empat dari kiri) bergambar bersama-sama para penerima Lesen Premis Perniagaan MPSP dan waris masing-masing sejurus majlis penyampaiannya di sini baru-baru ini.

Hadir sama, Ahli Majlis bagi MPSP, K. Kumaran; Pengarah Syarikat Zart Eventive Sdn. Bhd., Zaini Zainul serta beberapa pegawai daripada Jabatan Pelesenan MPSP.

Mengulas lanjut, Satees menjelaskan bahawa tempoh untuk mendapatkan lesen perniagaan MPSP adalah amat singkat iaitu hanya mengambil masa satu minggu selepas sesi taklimat diadakan pada minggu sebelumnya.

"Terima kasih kepada pihak Jabatan Pelesenan MPSP yang begitu efisien dan memudahkan permohonan lesen para peniaga.

"Oleh itu, saya akan terus bekerjasama erat dengan pihak MPSP pada masa akan datang untuk membantu para peniaga kecil di negeri ini terutamanya bagi kawasan Butterworth dalam apa jua hal berkaitan," jelasnya.

Difahamkan, semua 23 peniaga yang berjaya mendapatkan lesen perniagaan MPSP juga bakal menerima bantuan kanopi "I ❤ Penang" yang disumbangkan oleh Kerajaan Negeri Pulau Pinang.

## Isu kesihatan mental anak-anak dan remaja harus didepani semua peringkat

**GEORGE TOWN -** Timbalan Ketua Menteri II, Prof. Dr. P. Ramasamy memberitahu bahawa tahap kesihatan mental pelajar-pelajar sekolah juga harus diberi perhatian serius, selain pencapaian akademik mereka.

Beliau yang juga Exco Perancangan Ekonomi Negeri, Pendidikan, Pembangunan Modal Insan dan Sains, Teknologi & Inovasi berkata demikian ketika berucap dalam Majlis Pembukaan Simposium Kesihatan Kanak-Kanak dan Remaja Kali Ke-4 di sini baru-baru ini.

"(Isu kesihatan mental anak-anak dan remaja) ini adalah topik penting yang harus kita depani di semua peringkat, dan di bawah portfolio saya, kita cuba buat banyak perkara yang pendidikan arus perdana (mungkin) tidak sempat tangani.

"Dan, melalui kerjasama seperti ini, kita boleh memperbetul keadaan, semampu yang boleh.

"Sekalung penghargaan buat penganjur (iaitu *Kiwanis Club of Penang Central* dan *Delta Clinic*, Australia) untuk memulakan simposium yang sangat dinanti-nantikan ini oleh para guru, kaunselor dan sebagainya.

"Bagi saya, pengajaran akademik seakan lebih diutamakan berbanding isu-isu berbangkit yang lain, apabila kita ada menghadapi masalah yang serius (berkaitan isu kesihatan mental) dalam kalangan kanak-kanak (yang belajar di sekolah), terutama melibatkan kumpulan B40 (mereka dari keluarga berpendapatan 40 peratus paling rendah)," jelasnya yang juga Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Perai.

Tambah Ramasamy, perbincangan mengenai pelbagai isu sensitif berkaitan kepentingan negara oleh semua lapisan masyarakat menjadi sia-sia sekiranya pada masa sama masing-masing seakan mengabaikan aspek kesihatan mental yang sepatutnya dinikmati oleh kanak-kanak serta remaja di alam persekolahan.

"Kita sepatutnya memberi perhatian kepada mereka yang memerlukan sistem sokongan agar mereka boleh menyiapkan hidup seperti orang lain," ujarnya sambil merakamkan penghargaan kepada kedua-dua pertubuhan tersebut di atas penganjuran bersama simposium kali ini.

Difahamkan, mengikut Kajian Kesihatan dan Morbiditi Nasional 2015, kira-kira 4.2 juta rakyat Malaysia dalam lingkungan umur 16 tahun dan ke atas dikenal pasti menghadapi masalah kesihatan mental.

Laporan statistik itu membawa gambaran bahawa tiga individu dalam tiap-tiap 10 orang adalah mengidap masalah sakit mental dalam pelbagai skala dan variasi.

Portal Kementerian Kesihatan Malaysia pula menyenaraikan keengganan murid ke sekolah melibatkan 1 hingga 5 peratus kanak-kanak lelaki dan perempuan, sehingga membawa kepada aktiviti ponteng sekolah, merupakan salah satu gambaran masalah kesihatan mental dalam kalangan rakyat muda negara.

Justeru, Ramasamy berharap lebih ramai lagi mengambil bahagian dalam isu sensitif ini, dengan menganjurkan lebih banyak simposium kesedaran demi memastikan kanak-kanak dan remaja senantiasa menikmati keadaan mental yang sihat.

Pengasas *Delta Clinic* (Australia), David Hong; psikiatri kanak-kanak dan remaja, Dr. Kam Wong; ahli terapi tingkah laku, Datuk Dr. Lai Fong Hwa dan Guru Kanan Pelita International School, Indranee Liew antara penceramah utama dalam simposium tersebut.



# Pembangunan komersial bersepadu BCC pemangkin dan potensi baharu Balik Pulau

Oleh : **NORSHAHIDA YUSOFF**
Gambar : **ADLEENA RAHAYU AHMAD RADZI**

**TELUK BAHANG –** Pembangunan komersial terbaru, *Botanica CT Center* (BCC) akan menjadi mercu tanda pembangunan ikonik dan potensi baharu buat kawasan Balik Pulau.

Pembangunan komersial di BCC berkaitan bakal terdiri daripada pasar raya pertama *TF Value Mart* berukuran 80,000 kaki persegi (kp), restoran pandu lalu *Kentucky Fried Chicken* (KFC) dan *Starbucks* yang pertama di kawasan Balik Pulau serta 22 unit rumah kedai.

Timbalan Ketua Menteri I, Dato' Ir. Ahmad Zakiyuddin Abdul Rahman berkata, pembangunan komersial bersepadu tersebut merupakan satu peristiwa penting buat kawasan Balik Pulau dalam mendepani masa depan.

"Projek ini bukan sahaja akan menjana perniagaan serta suasana baharu untuk penduduk tempatan dan kawasan Balik Pulau, malah turut membawa kemudahan penting pada masa hadapan," ujarnya mewakili Ketua Menteri pada Majlis Pecah Tanah BCC di sini baru-baru ini.

Hadir sama, Exco Perdagangan Antarabangsa & Dalam Negeri, Hal Ehwal Pengguna dan Pembangunan Keusahawanan. Dato' Abdul Halim Hussain, Mohd. Tuah Ismail (Ahli Dewan Undangan Negeri, ADUN Pulau Betong), Zolkifly Md. Lazim (ADUN Teluk Bahang) dan Datuk Seri Kenny Ong (Pengerusi Eksekutif Kumpulan MTT Properties & Development Sdn. Bhd.).

Keseluruhan projek di bawah pemaju MTT tersebut dijadualkan siap pada 2021.



**IR. Ahmad Zakiyuddin Abdul Rahman (tengah), Abdul Halim Hussain (kiri sekali) dan Mohd. Tuah Ismail (dua dari kanan) memerhatikan replika pembangunan BCC sejurus majlis pecah tanahnya di sini baru-baru ini.**

Dalam pada itu, Abdul Halim ketika berucap turut bersetuju bahawa pembangunan projek berkenaan akan menjadi pemangkin bagi mengalakkan ekonomi di kawasan Balik Pulau.

"Dengan adanya BCC berkenaan, Balik Pulau akan menjadi mercu tanda ikonik dan bukan hanya terkenal dengan ikon durian sahaja.

"Projek ini adalah selaras dengan visi *Penang2030* yang mana kawasan seperti Balik Pulau tidak diketepikan," kata beliau.



| Nama ADUN | No Tel/ No Faks |
|---|---|
| **N.26 PADANG KOTA**<br>YAB Chow Kon Yeow<br>chowkonyeow@penang.gov.my | (T) 04 - 226 0218<br>(F) 04 - 226 0218 |
| **N.03 PINANG TUNGGAL**<br>YB Dato' Ir. Zakiyuddin Abdul Rahman | (T) 04 - 575 6526<br>(F) 04 - 575 6526 |
| **N.16 PERAI**<br>YB Prof. Dr. P. Ramasamy<br>ramasamy@penang.gov.my | (T) 04 - 383 9131<br>(F) 04 - 383 9131 |
| **N.07 SUNGAI PUYU**<br>YB Phee Boon Poh<br>pheeboonpoh@penang.gov.my;<br>pheeboonpoh@yahoo.com | (T) 04 - 262 0860<br>012 - 480 5495<br>(F) 04 - 261 8745 |
| **N.10 SEBERANG JAYA**<br>YB Dr. Afif Bahardin | (T) 04 - 390 5109<br>(F) 04 - 390 5109 |
| **N.15 PADANG LALANG**<br>YB Chong Eng<br>chong.eng@penang.gov.my | (T) 04 - 530 3028<br>(F) 04 - 530 3028 |
| **N.29 DATO' KERAMAT**<br>YB Jagdeep Singh Deo<br>jagdeepsinghdeo@penang.gov.my | (T) 04 - 226 2464<br>(F) 04 - 227 2464 |
| **N.37 BATU MAUNG**<br>YB Dato' Haji Abdul Halim Hussain<br>pusatkhidmatn37@gmail.com | (T) 04 - 626 1442<br>(F) 04 - 626 1442 |
| **N.08 BAGAN JERMAL**<br>YB Soon Lip Chee | (T) 04 - 331 0163 |
| **N.22 TANJONG BUNGA**<br>YB Zairil Khir Johari | (T) 04 - 890 3866 |
| **N.34 PAYA TERUBONG**<br>YB Yeoh Soon Hin | (T) 04 - 827 8868<br>(F) 04 - 827 8868 |
| **N.28 KOMTAR**<br>YB Teh Lai Heng<br>komtarN28@gmail.com | (T) 04 - 227 7068<br>(F) 04 - 227 7068 |
| **N.02 BERTAM**<br>YB Khaliq Mehtab Mohd. Ishaq | (T) 013 - 430 6400<br>(P) 04 - 576 7606 |
| **N.06 TELOK AYER TAWAR**<br>YB Mustafa Kamal<br>mustafakamal.mkba@gmail.com | (T) 04 - 351 1732 |
| **N.09 BAGAN DALAM**<br>YB Satees A/L Muniandy<br>n9.bagandalam@gmail.com | (T) 04 - 313 3990 |
| **N.11 PERMATANG PASIR**<br>YB Muhammad Faiz Bin Fadzil<br>faizfadzilamanah@gmail.com | (T) 04 - 521 1106 |
| **N.12 PENANTI**<br>YB Dr. Norlela Ariffin<br>norlela.ariffin@gmail.com | (T) 04 - 538 2871<br>(F) 04 - 538 4871 |
| **N.13 BERAPIT**<br>YB Heng Lee Lee<br>berapit@dappg.org | (T) 017 - 813 3509<br>(F) 04 - 540 0006 |
| **N.14 MACHANG BUBOK**<br>YB Lee Khai Loon<br>kllee78@gmail.com | (T) 013 - 399 0519<br>(F) 04 - 551 1442 |
| **N.17 BUKIT TENGAH**<br>YB Gooi Hsiao-Leung<br>gooihsiaoleung@penang.gov.my | (T) 04 - 507 5001<br>(F) 04 - 507 5001 |
| **N.18 BUKIT TAMBUN**<br>YB Goh Choon Aik | (T) 04 - 502 5818<br>(F) 04 - 506 2138 |
| **N.19 JAWI**<br>YB H'ng Mooi Lye<br>jawi@dappg.org | (T) 04 - 594 1163<br>(F) 04 - 594 3163 |
| **N.20 SUNGAI BAKAP**<br>YB Dr. Amar Pritpal Abdullah<br>ybadunsungaibakapn20@gmail.com | (T) |
| **N.21 SUNGAI ACHEH**<br>YB Zulkifli Ibrahim<br>n21adunsgacheh@gmail.com | (T) |
| **N.23 AIR PUTIH**<br>YB Lim Guan Eng<br>limguaneng@penang.gov.my | (T) 04 - 829 0614 |
| **N.24 KEBUN BUNGA**<br>YB Jason Ong Khan Lee<br>kebunbunga24@gmail.com | (T) 04 - 826 5451<br>(F) 04 - 826 5451 |
| **N.25 PULAU TIKUS**<br>YB Lee Chun Kit<br>pulautikus@dappg.org | (T) 04 - 228 5298<br>(F) 04 - 229 4294 |
| **N.27 PENGKALAN KOTA**<br>YB Gooi Zi Sen<br>pengkalankota@dappg.org | (T) 04 - 250 1522<br>(F) 04 - 250 1523 |
| **N.30 SUNGAI PINANG**<br>YB Lim Siew Khim<br>limsiewkhim@penang.gov.my | (T) 04 - 657 6630<br>(F) 04 - 658 6630 |
| **N.31 BATU LANCANG**<br>YB Ong Ah Teong<br>batulancang@dappg.org | (T) 04 - 280 4411<br>(F) 04 - 280 4422 |
| **N.32 SERI DELIMA**<br>YB Syerleena Abdul Rashid<br>32seridelima@gmail.com | (T) 04 - 659 5611<br>(F) 04 - 659 5611 |

| NAMA ADUN | No Tel/ No Faks |
|---|---|
| **N.33 AIR ITAM**<br>YB Joseph Ng Soon Siang<br>airitam@dappg.org | (T) 04 - 829 9143 |
| **N.35 BATU UBAN**<br>YB Kumaresan A/L Aramugam<br>kumar.harapan35@gmail.com | (T) 04 - 668 1062<br>(F) 04 - 668 1062 |
| **N.36 PANTAI JEREJAK**<br>YB Dato' Saifuddin Nasution | (T) |
| **N.38 BAYAN LEPAS**<br>YB Azrul Mahathir Aziz<br>ambasegaria.aam@gmail.com | (T) 04 - 649 3976<br>(F) 04 - 649 3976 |
| **N.39 PULAU BETONG**<br>YB Haji Mohd. Tuah Ismail | (T) 04 - 866 0214 |
| **N.40 TELUK BAHANG**<br>YB Zolkifly Md. Lazim | (T) |
| **DAP PENANG HQ**<br>dappg@streamyx.com | (T) 04 - 228 8482<br>(F) 04 - 228 8514 |
| **PKR PENANG HQ** | (T) 04 - 397 0115 |
| - | (T) |

| NAMA ADUN PEMBANGKANG | No Tel/ No Faks |
|---|---|
| **N.01 PENAGA**<br>YB Ustaz Yusni Mat Piah | (T) |
| **N.04 PERMATANG BERANGAN**<br>YB Nor Hafizah Othman | (T) |
| **N.05 SUNGAI DUA**<br>YB Muhamad Yusoff Mohd. Noor | (T) |

| PEGAWAI PENYELARAS KADUN | No Tel/ No Faks |
|---|---|
| **N.01 PENAGA**<br>Md. Khalil Salleh<br>novafast63@gmail.com | (T) 012 - 598 4881 |
| **N.04 PERMATANG BERANGAN**<br>Dato' Jasmin Mohamad<br>jmmohamed002@gmail.com | (T) 018 - 468 6610 |
| **N.05 SUNGAI DUA**<br>Yusri Isahak<br>ysrregnot@gmail.com | (T) 019 - 337 4055 |

## Talian Kecemasan & Perkhidmatan Awam

| | |
|---|---|
| POLIS, AMBULANS, BOMBA & PENYELAMAT | 999 |
| DIREKTORI TELEFON | 103 |
| OPERATOR ANTARABANGSA | 101 |
| HOTLINE MBPP | 04-263 7637 |
| ANGKATAN PERTAHANAN AWAM | 04-228 9012 |
| BIRO PENGADUAN AWAM | 04-263 6893 |
| SEKRETARIAT KERAJAAN NEGERI | 04-262 1957 |
| KASTAM | 04-262 2300 |
| IMIGRESEN | 04-250 3419 |
| WCC (*Women's Centre for Change*) | 04-228 0342 |
| Pusat Perkhidmatan Wanita (Seberang) | 04-398 8340 |
| EPF | 04-226 1000 |
| SOCSO | 04-238 9888 |

| | |
|---|---|
| JPJ | 04-656 4131<br>04-398 8809 |
| JABATAN PENDAFTARAN | 04-226 5161 |
| *PENANG GLOBAL TOURISM (PGT)* | 04-263 1166 |
| *TOURISM MALAYSIA* | 04-261 0058 |
| KERETAPI BUKIT BENDERA | 04-828 8880 |
| FERI (GEORGETOWN) | 04-210 2363 |
| ( BUTTERWORTH) | 04-310 2377 |
| JAMBATAN PP | 04-398 7419 |
| STESEN KERETAPI BUTTERWORTH | 04-261 0290 |
| PERSATUAN PERLINDUNGAN KANAK-KANAK | 04-829 4046 |
| CAP | 04-829 9511 |
| BEFRIENDERS PENANG | 04-281 5161<br>04-281 1108 |
| PERPUSTAKAAN PP | 04-229 8555 |

## Program-Program Emas




Program-Program Emas Kerajaan Negeri Pulau Pinang

## SENARAI NAMA AHLI MAJLIS MPSP 2019

| Nama | Telefon |
|---|---|
| MPSP | 04 - 549 7555 |
| Anuar Yusoff | 016 - 461 6390 |
| A'ziss Zainal Abiddin | 017 - 938 9192 |
| Cheen Goon Hooi | 012 - 402 0923 |
| David Marshel a/l Pakianathan | 019 - 412 3397 |
| Dr. Seow Kweng Tian | 012 - 507 2229 |
| Heng Yeh Shiuan | 016 - 261 2460 |
| Jason Raj a/l Kirupanantha | 014 - 905 8113 |
| Johnson a/l Anthonysamy | 012 - 424 5745 |
| Kang Yau Chuang | 010 - 829 3904 |
| Khong Chee Seong | 011 - 1522 6628 |
| Kumaran A/L Krishnan | 012 - 464 4697 |
| Marshidaliza Marzuki | 011 - 3929 9023 |
| Mohd Saifullah Abd. Nasir | 013 - 770 1001<br>013 - 503 3349 |
| Mohd Sharmizan Mohamad Nor | 011 - 1110 6456 |
| Mohamad Akmal Azhar | 019 - 518 5145 |
| Ong Jing Cheng | 012 - 758 3779<br>016 - 445 5709 |
| Ooi Yong Wooi | 016 - 421 1196 |
| Shuhada Abdul Rahim | 010 - 380 7672 |
| Tan Chee Teong | 012 - 401 7718 |
| Tan Cheong Heng | 012 - 487 3101 |
| Tengku Rasidah Tengku Kamarudin | 019 - 473 1323 |
| Wong Chee Keet | 012 - 451 1312 |
| Zaini Awang | 019 - 546 3115 |
| Zulkiply Ishak | 013 - 431 6161 |

## SENARAI PEGAWAI-PEGAWAI PEMBANTU KEWARGANEGARAAN PULAU PINANG

| Bil. | Nama | Daerah | Pejabat / Unit Kewarganegaraan | No. Telefon |
|---|---|---|---|---|
| 1. | Yeap Choon Keong | Timur Laut | Bilik Perkhidmatan Awam, Tingkat 3, KOMTAR. | 013 - 449 0366 |
| 2. | Velan A/L Kalimuthu | Barat Daya | | 018 - 394 4537 |
| 3. | K. Krishnasamy | Seberang Perai Utara | | 012 - 488 1553 |
| 4. | P. Rachenamorthy | Seberang Perai Tengah | | 019 - 457 2271 |
| 5. | Vadi Velan A/L Subramaniam | Seberang Perai Selatan | | 011 - 1144 1816 |

**Nota:**
**Orang awam dipohon menghubungi Pegawai-Pegawai Pembantu Kewarganegaraan untuk menetapkan temujanji masing-masing.**

## SENARAI NAMA AHLI MAJLIS MBPP 2019

| Nama | Telefon |
|---|---|
| MBPP | 04 - 259 2020 |
| Ahmad Azrizal Tahir | 019 - 541 4818 |
| Aidi Akhbal Mohamed Zainon | 012 - 464 3004 |
| Azahari Aris | 016 - 499 2580 |
| Azli Ibrahim | 011 - 2432 9007 |
| Dr. Chee Heng Leng | 017 - 333 9366 |
| Francis a/l Joseph | 012 - 474 3321 |
| Gerald Mak Mun Keong | 016 - 452 6499 |
| Gooi Seong Kin | 016 - 457 1271 |
| Hari Krishnan a/l Ramakrishnan | 010 - 505 5571 |
| Harvindar Singh a/l Darshan Singh | 012 - 428 2250 |
| Kaliyappan a/l P. Renganathan | 012 - 407 7276 |
| Latifah Hussainsa | 013 - 436 1999 |
| Nurliyana Mohd Ramzi | 011 - 3922 4080 |
| Nur Zarina Zakaria | 011 - 1578 5098 |
| Ong Kean Peng | 012 - 629 1133 |
| Rohaizat Hamid | 019 - 510 0075 |
| Saiful Azwan Abd. Malik | 016 - 463 2787 |
| Shahrudin Mohamed Shariff | 012 - 428 3160 |
| Shung Yin Ni | 012 - 413 9246 |
| Tan Hooi Peng | 012 - 498 6212 |
| Tan Seng Keat | 012 - 438 6191 |
| Theng Jie Wey | 016 - 418 7108 |
| Vino Dini a/p Chandragason Pitchy | 016 - 439 9358 |
| Wong Yuee Harng | 016 - 439 9121 |


## SIDANG REDAKSI BULETIN MUTIARA

**Penulis:**
YAP LEE YING
AINUL WARDAH SOHILLI
ZAINULFAQAR YAACOB
NORSHAHIDA YUSOFF
WATAWA NATAF ZULKIFLI
SUNARTI YUSOFF

**Jurugambar/Juruvideo:**
LAW SUUN TING
ALISSALA THIAN
AHMAD ADIL MUHAMAD
DARWINA MOHD. DAUD
ALVIE CHENG CHIN WEI
NOOR SITI NABILAH NOORAZIS
CHAN KOK KUAN
ADLEENA RAHAYU AHMAD RADZI

**Jurugrafik:**
IDZHAM AHMAD
NUR AFIQAH ZAINUDI



Bagi sebarang maklum balas, sila hantar ke:

**Editor BULETIN MUTIARA,**
Tingkat 47, Komtar, 10503 Penang
Telefon : 04-650 5468 ; Fax : 04-261 5923
Email: buletinmutiara.bpkn@gmail.com



Layari
www.buletinmutiara.com
buletinmutiara | ChowKonYeow
chowkonyeow
@chowkonyeow



# Pesta Belon Udara Panas kembali!

FAJAR menyinsing.



YEOH SOON HIN (kanan sekali) dan wakil-wakil media ketika menyertai penerbangan belon udara panas dekat Nibong Tebal.



SALAH satu pemandangan yang dirakam.

Oleh : **SUNARTI YUSOFF**
Gambar : **DARWINA MOHD. DAUD & NOOR SITI NABILAH NOORAZIS**

**BAGAN DALAM –** Pesta Belon Udara Panas Pulau Pinang kembali pada 9 dan 10 Februari ini dengan menawarkan pelbagai aktiviti menarik untuk semua lapisan masyarakat.

Ketua Menteri, Y.A.B. Tuan Chow Kon Yeow berkata, penganjuran pesta berkenaan yang memasuki tahun kelima pada tahun ini diyakini mampu menarik kehadiran lebih ramai pelancong ke negeri ini.

"Pesta Belon Udara Panas merupakan salah satu daripada program yang dianjurkan sempena sambutan Tahun Baru Cina dan boleh dinikmati oleh masyarakat tempatan serta pengunjung dari luar negeri.

"Program ini bukan hanya diadakan di bahagian pulau malah juga di Seberang Perai yang bakal menarik lebih ramai lagi pelancong untuk datang ke Pulau Pinang," katanya pada Majlis Pelancaran 'The Path' Permulaan Ke Pesta Belon Udara Panas Pulau Pinang 2019 dekat Butterworth Art Walk, Jalan Bagan Luar di sini 30 Disember 2018.

Hadir sama, Exco Pembangunan Pelancongan, Warisan, Kebudayaan dan Kesenian, Yeoh Soon Hin; Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Bagan Dalam, M. Satees; ADUN Batu Lancang, Ong Ah Teong; Yang di-Pertua Majlis Perbandaran Seberang Perai (MPSP), Dato' Sr. Rozali Mohamud; Setiausaha Perbandaran MPSP, Ir. Rosnani Mahmod; Ahli-Ahli Majlis bagi MPSP dan ramai lagi.

Majlis tersebut menyaksikan keunikan pameran cahaya indah menghiasi laluan Butterworth Art Walk sepanjang 200 meter (m) di samping penampilan raplika mini belon udara panas yang diperbuat daripada kertas kraf yang diwarnakan oleh kanak-kanak berusia 12 tahun ke bawah, yang digantung indah untuk tatapan umum sebagai permulaan kepada pesta berkenaan.

Sebanyak 400 replika mini belon udara mini berwarna-warni digantung untuk dipamerkan kepada orang ramai sehingga 30 Mac ini, manakala 700 lagi replika mini belon udara panas turut dipasang di Padang Kota Lama.

"Hasil dikutip tersebut adalah bersamaan dengan RM85,234.221 yang mana secara tidak langsung menunjukkan tahap kesedaran rakyat Pulau Pinang tentang betapa pentingnya untuk setiap lapisan masyarakat melaksanakan pengasingan sisa di punca semakin tinggi," ujarnya semasa merasmikan Program Pengasingan Sisa Di Punca Bagi Perumahan Awam Padang Tembak di sini baru-baru ini.

Hadir sama, Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Kebun Bunga, Jason Ong Khan Lee dan Ketua Penolong Setiausaha Kanan (Perumahan), Ainul Fadhilah Samsudi.

Dalam perkembangan berkaitan, Jagdeep turut mengumumkan jumlah kompaun yang dikenakan terhadap pemilik-pemilik premis yang enggan melaksanakan Dasar Pengasingan Sisa Di Punca di premis masing-masing.

"Pihak berkuasa tempatan (PBT) telah mengenakan kompaun kepada 568 pemilik premis iaitu 40 kompaun dikeluarkan oleh MBPP, manakala MPSP (528).

"Di bawah Undang-undang Kecil Pengasingan Sampah dan Perlesenan Perkhidmatan Pemungutan Sampah Yang Boleh Dikitar Semula (MBPP/MPSP) 2016, kompaun bagi setiap kesalahan adalah RM250," jelasnya yang juga ADUN Datuk Keramat.

Difahamkan, tindakan penguatkuasaan bagi dasar tersebut telah dijalankan bagi milikan strata mulai 1 Jun 2017, premis komersial (1 Januari 2018) dan kediaman bertanah mulai 1 Januari 2019.




JAGDEEP Singh Deo (tengah) bersama-sama barisan pihak berkaitan pada Majlis Perasmian Program Pengasingan Sisa Di Punca Bagi Perumahan Awam Padang Tembak di sini baru-baru ini.



# Penubuhan JPWK, pertama dalam negara

Oleh : **ZAINULFAQAR YAACOB**

**GEORGE TOWN -** Kerajaan Negeri Pakatan Harapan Pulau Pinang menubuhkan Jawatankuasa Pembangunan Wanita dan Keluarga (JPWK) di peringkat komuniti tempatan, dengan dikendali oleh agensi negeri Perbadanan Pembangunan Wanita Pulau Pinang (PWDC).

Mengumumkan perkara itu, Ketua Menteri, Y.A.B. Tuan Chow Kon Yeow berharap inisiatif tersebut seiring dengan wawasan *Penang2030* yang memberi tumpuan kepada aspek pembangunan kekeluargaan.

"JPWK akan ditugaskan untuk merancang dan melaksanakan program berkaitan pembangunan wanita dan keluarga di KADUN masing-masing.

"Program-program ini bertujuan untuk membina pengetahuan serta kemahiran untuk wanita dan keluarga dalam pelbagai aspek seperti pengurusan kewangan, kesihatan mental serta fisiologi, keibubapaan, kepimpinan dan lain-lain," jelasnya dalam sidang media di sini 17 Januari 2019.

Hadir sama, Exco Pembangunan Wanita, Keluarga, Keterangkuman Gender dan Agama Selain Islam, Chong Eng; barisan Exco Kerajaan Negeri lain dan Ketua Pegawai Eksekutif PWDC, Ong Bee Leng.

Menurut Kon Yeow, jawatankuasa tersebut akan dianggotai oleh 15 pemimpin wanita tempatan dengan pemberian peruntukan tahunan sebanyak RM10,000 untuk menganjurkan program-program setempat bertemakan kewanitaan dan kekeluargaan.



**KETUA Menteri dan barisan kepemimpinan Kerajaan Negeri dalam sidang media promosi penubuhan JPWK di sini baru-baru ini.**

"Pengerusi dan setiausaha masing-masing akan diberi elaun bulanan sebanyak RM700 dan RM600, manakala bendahari dan ahli jawatankuasa lain diberi elaun mesyuarat," ujarnya sambil memberitahu bahawa peruntukan bagi membiayai jawatankuasa tersebut adalah daripada Bajet *Penang2030*.

Tambah Kon Yeow, pentadbirannya menganggarkan kira-kira 600 pemimpin wanita daripada 40 Kawasan Dewan Undangan Negeri (KADUN) akan menyertai JPWK mulai Januari 2019.

Dalam pada itu, Chong Eng menyatakan bahawa Ahli-ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) boleh mencadangkan 15 calon bagi menganggotai JPWK di KADUN masing-masing.

"Pencalonan keanggotaan jawatankuasa ini adalah dalam nisbah 40: 40: 20 (parti politik, pertubuhan bukan kerajaan (NGO) dan individu) supaya ada kepelbagaian latar belakang dalam jawatankuasa itu.

"JPWK akan bekerjasama dengan ADUN ketika menjalankan programnya... sementara aktiviti dan program akan dinilai oleh PWDC dan pejabat saya (Pejabat Exco)," katanya.

Dalam perkembangan lain, Kon Yeow berkata, 'Keterangkuman Gender' adalah portfolio Exco yang baru di bawah pentadbirannya sejak Mei lalu, demi mengurangkan jurang ketidaksamaan sosial di Pulau Pinang.

"Portfolio itu ditubuhkan sejajar dengan wawasan Pulau Pinang 2030 (*Penang2030*).

"Objektif utama Kerajaan Negeri adalah untuk mewujudkan kesaksamaan gender dengan mengenal pasti keperluan, keutamaan dan kepentingan lelaki dan perempuan daripada pelbagai latar belakang.

"Ia juga bagi memastikan dasar, prosedur dan penguatkuasaan undang-undang serta peraturan di Pulau Pinang menekankan kepentingan perspektif jantina.

"Dasar keterangkuman gender berfungsi untuk menginstitusikan hal gender ke dalam dasar negara.

"Dasar inklusif gender juga bertujuan menyediakan semua kakitangan dengan peluang yang sama untuk mengambil bahagian dalam pentadbiran, pengurusan serta membuat keputusan dalam semua peringkat.

"Akhir sekali, dasar inklusif jantina menguatkuasakan amalan *Gender Responsive and Participatory Budgeting* (GRPB) dalam semua aspek tadbir urus," jelasnya.

# Sukan Untuk Semua, penganjuran bertema promosi gaya hidup sihat

**GEORGE TOWN –** Kerajaan Negeri komited mempromosikan gaya hidup sihat dan aktif secara holistik serta menyeluruh dalam kalangan penduduk Pulau Pinang melalui penganjuran program 'Sukan Untuk Semua'.

Exco Belia dan Sukan, Soon Lip Chee berkata, aktiviti tersebut bertujuan memperkenal dan mengusahakan penganjuran sukan secara bertema pada setiap bulan sepanjang 2019.

Mengulas lanjut, beliau menyatakan bahawa antara sukan yang akan diketengahkan adalah catur, catur Cina *(xiang qi)*, bola keranjang, bola tampar, *floorball*, petanque, *handball* dan sepak takraw.

"Sukan dan permainan memainkan peranan yang sangat penting kepada perkembangan kanak-kanak.



**SOON Lip Chee (barisan kedua, tiga dari kiri) dan Teh Lai Heng (barisan kedua, kiri sekali) menguji bakat masing-masing dengan berentap bersama-sama peserta cilik pada Majlis Perasmian Program Catur Untuk Semua: Sukan Untuk Semua di sini baru-baru ini.**

"Mereka yang terlibat secara aktif dalam sukan dan permainan didapati adalah lebih mudah untuk menerima pembelajaran kerana ia bukan hanya melibatkan fizikal malah juga memberi kesan terhadap perkembangan diri secara menyeluruh.

"Justeru, saya menyeru semua rakyat Pulau Pinang agar tidak mensia-siakan usaha kerajaan berhubung penyediaan kemudahan sukan memandangkan kos membinanya adalah mencecah jutaan ringgit, sebaliknya, ambil insiatif ini dengan meluangkan sedikit masa sekurang-kurangnya dua kali seminggu untuk memantau anak-anak bersukan serta bermain di luar," ujarnya pada Majlis Perasmian Program Catur Untuk Semua: Sukan Untuk Semua di sini 13 Januari lalu.

Hadir sama, Timbalan Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri (DUN) merangkap Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Sungai Bakap, Dr. Amar Pritpal Abdullah, Teh Lai Heng (Setiausaha Politik Kepada Ketua Menteri merangkap ADUN Komtar), A. Kumaresan (ADUN Batu Uban), Datuk Seri Wong Siew Hai (Presiden Kelab Kiwanis Pulau Pinang) dan Frederick Tan Teck An (Pengarah Majlis Sukan Negeri Pulau Pinang, MSNPP)

Program Catur Untuk Semua: Sukan Untuk Semua adalah anjuran bersama antara Kerajaan Negeri dengan Persatuan Catur Pulau Pinang dan Kelab Kiwanis Pulau Pinang.

Menurut Lip Chee yang juga ADUN Bagan Jermal, bagi bulan Januari, sukan dan permainan catur serta *xiang qi* akan diketengahkan kepada umum.

"Pertandingan yang diadakan membolehkan orang ramai mengambil bahagian. Secara luarannya, permainan catur mungkin tidak lebih sebagai satu lagi jenis sukan, tetapi bagi mereka yang pernah mencuba serta mengenali permainan ini, ia lebih dilihat sebagai satu seni yang menguji kepantasan berfikir seseorang individu.

"Biasanya catur dimainkan sebagai aktiviti riadah, tidak kurang juga yang bermainnya secara serius dengan menyertai pertandingan hingga ke peringkat dunia, dan terdapat banyak variasi permainan catur dimainkan di dunia, antara yang popular adalah *shogi* di Jepun dan janggi di Korea.

"Selain pertandingan, kita juga mengadakan Klinik Pengajaran Catur dan Xiang Qi, penyertaan yang diterima adalah amat memberangsangkan," jelasnya.



# PHC diharap sahut cabaran jadikan Bukit Bendera *'Hill Resort of Choice'* di Malaysia

Oleh : **NORSHAHIDA YUSOFF**
Gambar : **NOOR SITI NABILAH NOORAZIS**

**AIR PUTIH** - Perbadanan Bukit Bendera (PHC) diharap mampu menyahut cabaran 10 tahun akan datang selepas kejayaannya menjadikan Bukit Bendera sebagai pusat peranginan terunggul kini.

Kon Yeow dalam ucapannya kelihatan tertarik dengan cabaran *#10YearsChallenge* yang tular di media sosial kini dengan mengaitkannya melalui pencapaian PHC dalam tempoh tersebut.

Beliau menyifatkan PHC telah beroperasi dengan baik apabila menyahut cabaran 10 tahun daripada Unit Keretapi Bukit Bendera (UKBB) kepada sebuah perbadanan kini.

"UKBB di bawah Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri selepas 10 tahun telah ditransformasikan sebagai PHC yang mempunyai misi dan impian untuk menjadi sebuah resort peranginan terunggul di Malaysia.

"Bermula dengan Enakmen Perbadanan Pulau Pinang pada tahun 2009 yang diluluskan di Dewan Undangan Negeri (DUN) Pulau Pinang.

"Hari ini, hasil daripada tindakan itu, kita dapat melihat bilangan penumpang kereta api furnikular Bukit Bendera telah memecah rekod 1.74 juta penumpang (2018), dan merupakan angka tertinggi sejak ia beroperasi.

"Sebelum tahun 2008, hanya sekitar 200,000 penumpang sahaja setahun. Malah, penumpang pada bulan Disember 2018 sahaja mencecah sebanyak 244,000 melebihi angka setahun sebelum PHC ditubuhkan," ujarnya pada Majlis Perasmian Stesen Bawah Bukit Bendera Fasa 3 di sini 19 Januari lalu.

Hadir sama, Menteri Kewangan Malaysia merangkap Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Air Putih, Lim Guan Eng; Setiausaha Kerajaan Negeri, Dato' Seri Farizan Darus; Ahli Parlimen Bukit Bendera, Wong Hon Wai dan Pengurus Besar PHC, Cheok Lay Leng.

Pembukaan Stesen Bawah Bukit Bendera Fasa 3 bernilai RM7.8 juta itu menyediakan lebih banyak kemudahan dan penambahbaikan fasiliti seperti kedai cenderamata, makanan dan minuman serta kemudahan tandas, surau dan dewan demi keselesaan pengunjung.



**LUKISAN flora dan fauna menghiasi tiang-tiang di Stesen Bawah Bukit Bendera.**



**ARCA unik yang menghiasi ruang umum.**

Mengulas lanjut, Kon Yeow yang juga ADUN Padang Kota merangkap Ahli Parlimen Tanjong memberitahu bahawa walau bagaimanapun, angka bilangan penumpang tersebut merupakan 'tekanan' kepada PHC sama ada perbadanan berkenaan mampu untuk menyahut cabaran 10 tahun yang akan datang ataupun tidak.



**KETUA Menteri bersama-sama dif-dif jemputan serta wakil-wakil berkaitan bergambar kenangan bersempena Majlis Perasmian Stesen Bawah Bukit Bendera Fasa 3 di sini baru-baru ini.**

"Adakah PHC sanggup menyahut cabaran ini dalam tempoh 10 tahun akan datang untuk menjadikan Bukit Bendera sebagai '*Hill Resort of Choice*' di Malaysia.

"Walaupun dalam tempoh 10 tahun ini sudah banyak yang kita lakukan, masih banyak lagi projek-projek yang sudah pun dirancang untuk beberapa tahun akan datang.

"Fasa tiga telah sempurna, tapi masih ada fasa 4, 5, 6 dan seterusnya, dan kita yakin dengan sokongan Kerajaan Negeri dan Kerajaan Persekutuan, PHC mampu melaksanakan projek-projek yang akan memberikan manfaat kepada pengunjung di Bukit Bendera," jelasnya.

Manakala, Lay Leng turut menjangkakan bilangan penumpang akan meningkat lebih 10 peratus tahun ini.

"Jangkaan penumpang akan lebih meningkat, mengikut penumpang bulan Januari 2019, angka ini memang lebih tinggi daripada tahun lalu," katanya.




**GERAI-gerai yang siap dinaik taraf.**

## RSNPP 2030 diharap dapat diwartakan pertengahan tahun ini

**GEORGE TOWN** – Exco Perumahan, Kerajaan Tempatan dan Perancangan Bandar & Desa, Jagdeep Singh Deo berharap Rancangan Struktur Negeri Pulau Pinang (RSNPP) 2030 dapat diwartakan pada pertengahan tahun ini.

Jelasnya, draf kajian mengenai perkara itu kini memasuki peringkat akhir selepas ia dipaparkan kepada orang awam bagi mendapatkan maklum balas selama dua bulan yang berakhir pada November 2018.

"Pada September tahun lalu kita telah membuka draf kajian untuk penyertaan awam bagi mendapatkan input, maklum balas, kritikan serta cadangan daripada orang ramai termasuk individu, badan bukan kerajaan (NGO), agensi kerajaan, syarikat swasta serta melalui laman sosial.

"Oleh itu, sebanyak 501 borang maklum balas telah diterima iaitu 347 daripada orang awam, agensi kerajaan (7), syarikat atau pemaju (24), NGO (13) serta laman sosial Facebook (110) diterima Kerajaan Negeri sepanjang tempoh tersebut.

"Secara khususnya, maklum balas yang diterima adalah berdasarkan lapan kategori iaitu *Penang Transport Master Plan* (63), tebus guna tanah (48), unjuran penduduk (25), pembangunan tanah tinggi (17), banjir (27), lebihan penawaran ruang lantai perniagaan (15), tanah pertanian (272) dan lain-lain (34).

"Walaupun masa sebenar penilaian telah ditutup tetapi sekiranya ada pertubuhan besar yang mewakili *stakeholder* di Pulau Pinang ada cadangan, kita (Kerajaan Negeri) terbuka untuk pertimbangkan," kata beliau pada sidang media di sini 17 Januari lalu.

Mengulas lanjut, Jagdeep memaklumkan bahawa semua maklum balas tersebut akan dinilai oleh satu jawatankuasa penilaian yang dilantik sebelum diangkat kepada Jawatankuasa Perancangan Negeri.



**JAGDEEP Singh Deo.**

"Di peringkat ini, kita (Kerajaan Negeri) ada satu lagi langkah yang perlu diambil iaitu penilaian daripada Jawatankuasa Bantahan Awam sebelum maklum balas tersebut diangkat kepada Jawatankuasa Perancang Negeri yang dijangka pada Februari ini.

"Setelah itu, kita akan masuk ke peringkat Jawatankuasa Perancangan Negeri yang akan membuat keputusan muktamad berdasarkan maklum balas diterima sama ada draf tersebut akan dibuat pindaan atau tidak.

"Justeru, saya berharap agar sebelum pertengahan tahun ini, RSNPP 2030 tersebut dapat diwartakan kerana ia konsisten dengan visi *Penang2030* yang dilancarkan Ketua Menteri, Y.A.B. Tuan Chow Kon Yeow berlandaskan negeri hijau, pintar dan kekeluargaan yang menginspirasikan negara," ujarnya.

# Saling bekerjasama demi pastikan bekalan RMM senantiasa cukup

Oleh: **ZAINULFAQAR YAACOB**
Gambar: **NOOR SITI NABILAH NOORAZIS**

**BAGAN JERMAL -** Para pembeli unit kediaman The Park @Mak Mandin boleh bergembira ekoran projek pemajuan rumah mampu milik (RMM) itu dijangka siap tidak lama lagi.

Mengulas lanjut, Exco Perumahan, Kerajaan Tempatan dan Perancangan Bandar & Desa, Jagdeep Singh Deo berkata demikian ketika melawat tapak projek RMM The Park @Mak Mandin di sini 22 Disember 2018.

"Projek The Park @Mak Mandin sedang dibina dan saya dimaklumkan oleh pihak pemaju iaitu Silver Channel Sdn. Bhd. bahawa projek ini dijangka siap pada tahun 2019.

"The Park @Mak Mandin adalah di lokasi yang strategik, dekat Jalan P. Patto yang mana di sini ada lot-lot komersial, restoran, sekolah dan pasar raya Apollo yang terkenal.

"Dan, saya begitu gembira melihat para pembeli rumah turut menyertai acara perasmian projek ini.

"Para pembeli rumah di sini bolehlah bergembira kerana tidak lama lagi projek ini akan siap," jelasnya yang juga Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Datok Keramat pada majlis berkaitan.

Dalam perkembangan sama, Jagdeep yang juga Pengerusi Jawatankuasa Pembersihan Proses Perolehan Perumahan (SPEC) memberitahu bahawa pihaknya akan memastikan semua unit kediaman di bawah Skim RMM negeri yang siap dibina oleh pemaju swasta supaya segera diserahkan kepada Bahagian Perumahan Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri untuk ditawarkan kepada rakyat yang berhasrat membeli rumah pertama.



**(Dari kiri), M. Satees, Jagdeep Singh Deo dan Soon Lip Chee bersama-sama wakil syarikat pemaju hartanah melawat rumah contoh RMM di tapak pembinaan The Park @Mak Mandin di sini baru-baru ini.**

Atas maksud itu, tambah beliau, pihaknya akan terus saling bekerjasama dengan syarikat-syarikat pemaju hartanah swasta demi memastikan perbekalan RMM di negeri ini senantiasa cukup.

Exco Belia dan Sukan merangkap ADUN Bagan Jermal, Soon Lip Chee; ADUN Bagan Dalam, M. Satees dan dua wakil syarikat pemaju swasta, Musa Mustakim dan Tay Kean Huat turut sertai majlis perasmian projek itu.




# 7,000 banjiri George Town jayakan *City Walk 2019*

Oleh : **ZAINULFAQAR YAACOB**
Gambar : **NOOR SITI NABILAH NOORAZIS**

**GEORGE TOWN** - Kira-kira 7,000 umum membanjiri perkarangan utama jalan raya dekat Padang Kota Lama pada awal pagi 1 Januari lalu bagi menjayakan acara jalanan *City Walk 2019*.

Masing-masing, daripada usia mesra emas sehingga kanak-kanak kecil kelihatan bersemangat bagi menyahut cabaran berjalan sejauh 5 kilometer (km), walaupun hari itu adalah cuti umum.

Menjadi tumpuan adalah golongan kanak-kanak yang tidak melepaskan peluang merakam gambar dengan beberapa adiwira komik terkenal *Marvel* seperti *Spider-Man*.

Ketika berucap, Ketua Menteri Y.A.B. Tuan Chow Kon Yeow memberitahu bahawa kali pertama penganjuran acara tahunan tersebut dilaksanakan adalah ketika Kerajaan Negeri dan Majlis Perbandaran Pulau Pinang (MPPP) memohon status pemashyuran Pulau Pinang sebagai 'bandar raya' daripada Kerajaan Persekutuan.

"Kita berjaya mendapat status 'bandar raya' untuk MPPP dengan sokongan rakyat, maka MBPP (Majlis Bandaraya Pulau Pinang) pun dimahsyurkan.

"Dan pada tahun ini, kami (Kerajaan Negeri Pakatan Harapan Pulau Pinang) berhasrat untuk memohon kepada Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan untuk status Majlis Perbandaran Seberang Perai (MPSP) sebagai status 'bandar raya' pula," ujarnya sebelum menyempurnakan acara pelepasan peserta *City Walk 2019*, bersama-sama Datuk Bandar MBPP, Dato' Ar. Yew Tung Seang di sini baru-baru ini.

Tung Seang ketika berucap sebelum itu menyatakan bahawa walaupun pihak penganjur pada awalnya menghadkan pendaftaran sehingga 5,000 peserta sahaja, namun pada kali ini angka pendaftaran dibuka sehingga 7,000 penyertaan.

"MBPP senantiasa menyokong serta bersama hasrat Kerajaan Negeri untuk menjulang Pulau Pinang ke peringkat antarabangsa.

"Kita (MBPP) akan terus saling bekerjasama sebagai satu pasukan, demi menjadikan Pulau Pinang sebuah negeri yang pintar, mempunyai daya huni yang bagus serta mewujudkan suasana kegembiraan sebenar sebagai sebuah keluarga besar di negeri ini," jelasnya sambil menyeru semua pihak untuk saling menghayati *Penang2030* iaitu wawasan pembangunan negeri dalam tempoh 11 tahun sehingga 2030 kelak.

Paluan gendang tradisonal Cina, senamrobik dan zumba antara acara sampingan yang menarik, selain jalan-jalan bersama keluarga sejauh 5 km pada temasya tahunan itu.



KETUA Menteri, barisan kepimpinan Kerajaan Negeri dan Ar. Yew Tung Seang menyempurnakan acara pelepasan peserta *City Walk 2019* di sini baru-baru ini.



KETUA Menteri dan isteri turut serta.



PALUAN gendang Cina yang menjadi salah satu tarikan utama.




**SEBAHAGIAN peserta menunjukkan pelekat khas penganjuran.**



***POSE* menarik yang berjaya dirakam lensa Buletin Mutiara.**



# URB MBPP terima basikal elektrik jalankan rondaan, pertama dalam negara

Oleh : **NORSHAHIDA YUSOFF**
Gambar : **LAW SUUN TING**

**GEORGE TOWN –** Unit Rondaan Basikal (URB) Majlis Bandaraya Pulau Pinang (MBPP) menerima 10 basikal elektrik voltron bagi melaksanakan rondaan dan pemantauan di sekitar kawasan Tapak Warisan Dunia George Town.

Datuk Bandarnya, Dato' Ar. Yew Tung Seang berkata, penggunaan basikal elektrik jenis *neotric* tersebut diharap dapat meningkatkan lagi kualiti perkhidmatan anggota penguatkuasa dalam operasi pemantauan serta penguatkuasaan di sekitar bandar di sini.



AR. Yew Tung Seang (tengah, berkemeja putih) bergambar bersama-sama barisan Ahli Majlis, anggota-anggota URB dan pihak-pihak berkaitan sejurus Majlis Pelancaran Basikal Elektrik URB Jabatan Penguatkuasaan di sini baru-baru ini.



CIRI-ciri yang terdapat pada basikal elektrik Voltron.

"Ke arah sebuah negeri pintar dan hijau, MBPP sememangnya sentiasa berusaha untuk maju ke hadapan, justeru, kita (Majlis) menggalakkan anggota penguatkuasa menggunakan alternatif lain yang lebih hijau iaitu berbasikal berbanding kenderaan motor atau kereta untuk menjalankan tugas.

"Sekiranya ada keperluan dan kemampuan, MBPP akan besarkan skop rondaan ini (berbasikal) ke kawasan lain," ujarnya selepas Majlis Pelancaran Basikal Elektrik URB Jabatan Penguatkuasaan di sini 10 Januari lalu.

Hadir sama, Ahli-ahli Majlis, Ketua-ketua Jabatan MBPP serta Ketua Pegawai Eksekutif Voltron Malaysia Sdn. Bhd. (Voltron), Tan You Soon.

Basikal elektrik buatan syarikat tempatan, Voltron tersebut berharga RM5,400 setiap satu dan dilengkapi dengan ciri-ciri teknologi terkini seperti *Global Positioning System* (GPS) tracking, *trip recorder* dan bantuan pedal sehingga 25 kilometer (km)/jam mengikut piawaian Jabatan Pengangkutan Jalan (JPJ).

Mengulas lanjut, Tung Seang memberitahu bahawa pihak berkuasa tempatan (PBT) berkenaan juga kini sedang merangka bagi menjalinkan kolaborasi bersama-sama Unit Rondaan Polis Diraja Malaysia (PDRM) Pulau Pinang.

"Difahamkan, PDRM kini mempunyai 20 basikal elektrik yang digunakan untuk menjalankan rondaan," jelasnya.

Dalam pada itu, menurut You Soon, MBPP merupakan PBT pertama di dalam negara yang menggunakan basikal elektrik voltron untuk melakukan rondaan.

"Sejajar dengan hasrat MBPP untuk menjadikan Pulau Pinang sebuah bandar pintar, ciri-ciri yang ada pada basikal ini adalah yang terkini dan diiktiraf JPJ mengikut sijil MS 2514.

"MBPP adalah PBT pertama di dalam negara yang mengguna pakai ia, dan ada beberapa lagi PBT seperti Majlis Perbandaran Subang Jaya (MPSJ) dan Majlis Bandaraya Alor Star (MBAS) sedang dalam pertimbangan untuk mengguna pakai basikal ini," katanya.

# Manual DCP sebagai kelangsungan perkembangan, pertumbuhan Seberang Perai

**SEBERANG JAYA –** Majlis Perbandaran Seberang Perai (MPSP) buat julung kalinya melancarkan *Manual Dealing With Construction Permit* (DCP) bagi meningkatkan kecekapan dalam proses pembangunan di kawasan Seberang Perai.

Exco Perumahan, Kerajaan Tempatan dan Perancangan Bandar & Desa, Jagdeep Singh Deo berkata, Manual DCP adalah sangat penting untuk merealisasikan hasrat Kerajaan Negeri agar menjadi lebih cekap dan efisien.

"Dengan pelancaran manual ini, maka kerenah birokrasi dapat dikurangkan iaitu daripada 55 prosedur kepada 21 (prosedur), manakala proses kebenaran merancang pula dipendekkan daripada 497 hari kepada 105 hari.

"Pengurangan birokrasi akan membawa kesan besar kepada sektor ekonomi Pulau Pinang khususnya di Seberang Perai," jelasnya pada sidang media selepas Majlis Pelancaran DCP Seberang Perai di sini 11 Januari lalu.

Turut serta, Yang di-Pertua MPSP, Dato' Sr. Rozali Mohamud; Ahli-Ahli Majlis bagi MPSP, Setiausaha Perbandaran MPSP, Ir. Rosnani Mahmod serta wakil Pertubuhan Arkitek Malaysia (PAM).

Dalam pada itu, Rozali menyatakan bahawa antara kriteria penting yang dinilai bagi permohonan memperoleh kebenaran merancang termasuk luas kawasan pemajuan adalah lima ekar ke bawah, pembangunan tidak melebihi tiga tingkat serta pembangunan bukan strata.

"Dengan wujudnya Manual DCP ini, diharap dapat membuka lebih banyak peluang-peluang pekerjaan khususnya kepada golongan B40 dan ruang-ruang pelaburan dapat ditingkatkan yang seterusnya meletakkan Seberang Perai di tangga tertinggi dalam kemudahan menjalankan perniagaan.

"Oleh itu, saya menyarankan agar pihak-pihak perunding juga dapat memainkan peranan secara profesional untuk memastikan program atau hasrat ini dapat dilaksanakan dengan jayanya bagi kelangsungan perkembangan dan pertumbuhan Seberang Perai," ujarnya.

Difahamkan, DCP merupakan istilah yang digunakan oleh Bank Dunia untuk mengukur prestasi dalam urusan mendapatkan permit atau kebenaran pembangunan yang mana MPSP merupakan salah satu daripada enam pihak berkuasa tempatan (PBT) di negara ini yang terpilih untuk melancarkan program tersebut.

Sebarang pertanyaan lanjut mengenai Manual DCP boleh layari laman sesawang *www.mpsp.gov.my* atau hubungi talian 04 – 549 7555/ 04 – 538 9700.



SR. Rozali Mohamud (kanan sekali) menjelaskan intipati Manual DCP kepada JAGDEEP Singh Deo (dua dari kanan) pada majlis pelancarannya di sini baru-baru ini.




# CAT Batu Kawan, ADUN seru umum guna kemudahan sepenuhnya

Oleh : **SUNARTI YUSOFF**
Gambar : **AHMAD ADIL MUHAMAD**

**BUKIT TAMBUN –** Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Bukit Tambun, Goh Choon Aik berharap perubahan laluan baru bagi perkhidmatan bas percuma CAT *(Congestion Alleviation Transport)* bagi Kawasan Parlimen Batu Kawan akan meningkatkan lagi taraf hidup rakyat terbanyak di sini

Mengulas lanjut, beliau memberitahu bahawa laluan baru itu turut meliputi kawasan taman perumahan yang mempunyai kadar kepadatan penduduk tinggi.

Malah, tambahnya, perubahan laluan tersebut mampu memberi manfaat kepada lebih ramai pengguna termasuk penduduk di beberapa Kawasan Dewan Undangan Negeri (KADUN) Sungai Bakap.

"Laluan sebelum ini hanya melalui jalan-jalan utama iaitu dari stesen KTM (Keretapi Tanah Melayu) Simpang Ampat ke Jalan Persekutuan, Jalan Bukit Tambun dan Jalan Batu Kawan sehingga destinasi terakhir iaitu di *Design Village*.

"Malangnya, perkhidmatan KTM seperti ETS (Perkhidmatan Tren Elektrik) tidak berhenti di Stesen Simpang Ampat, manakala Komuter pula hanya berhenti di stesen-stesen tertentu sahaja menyebabkan stesen KTM tidak mampu berfungsi sebagai terminal pengangkutan awam yang berkesan.

"Ini menyebabkan perkhidmatan bas percuma CAT Batu Kawan mencatatkan jumlah penumpang yang amat mengecewakan, dan disebabkan itu kita mengubah laluan dengan memasukkan kawasan perumahan yang mempunyai kepadatan penduduk tinggi seperti Taman Merak dan Bandar Tasek Mutiara.

"Taman Merak merupakan kawasan perumahan kos rendah dan sederhana rendah serta melibatkan ketiga-tiga kaum (India, Cina, Melayu)," kata Choon Aik pada sidang media sempena pelancaran laluan baru CAT Parlimen Batu Kawan di sini 14 Januari lalu.

Mengulas lanjut, beliau menyatakan bahawa matlamat paling penting dalam pemilihan laluan baru berkenaan adalah untuk membolehkan masyarakat setempat menggunakan perkhidmatan bas percuma CAT untuk ke Klinik Kesihatan Bandar Tasek Mutiara.

"Oleh itu, saya menyeru kepada semua orang awam supaya menggunakan sepenuhnya kemudahan disediakan Kerajaan Negeri yang dilihat dapat membantu mengurangkan kos sara hidup mereka.

"Selain itu, perkhidmatan bas percuma ini juga dapat mengurangkan kesesakan lalu lintas selain membudayakan masyarakat di negeri ini untuk menggunakan pengangkutan awam," ujar Choon Aik.

Difahamkan, laluan baru bas percuma CAT Batu Kawan akan bermula dari Stesen Petronas Bandar Tasek Mutiara dan melalui tujuh buah sekolah iaitu Sekolah Kebangsaan (SK) Bukit Tambun, SK Batu Kawan, Sekolah Menengah Kebangsaan (SMK) Batu kawan, SK Bukit Tambun, Sekolah Jenis Kebangsaan (SJK) Cina Keng Koon, SK Taman Merak, SK Mutiara Impian serta SMK Simpang Empat.

Selain itu, tiga buah bank iaitu *Hong Leong Bank, Public Bank* dan *Maybank* juga termasuk dalam laluan baru selain pasaraya C-Mart serta Klinik Kesihatan Tasek Mutiara dan berakhir di pusat beli-belah *Design Village* dengan setiap perjalanan mengambil masa kira-kira 45 minit.

Laluan khas turut diperkenalkan iaitu bermula dari Jeti Batu Musang khusus untuk membawa pelajar-pelajar dari Pulau Aman ke sekolah-sekolah terlibat pada jam 6.30 pagi dan 2.30 petang pada setiap hari persekolahan.

Dalam pada itu, Buletin Mutiara berkesempatan meninjau reaksi beberapa penduduk di Taman Merak berhubung perkhidmatan bas berkenaan.

**VEVELT SINGH**, 58, menyatakan bahawa perkhidmatan bas percuma CAT memudahkannya untuk berulang-alik ke Klinik Kesihatan Bandar Tasek Mutiara bagi menjalankan pemeriksaan kesihatan.

"Saya merupakan pesakit strok yang baru pulih, saya perlu memanggil kereta setiap minggu untuk ke klinik bagi membuat pemeriksaan dan mengambil ubat, kos memanggil kereta sememangnya membebankan saya. Terima kasih kepada ADUN Bukit Tambun yang berusaha mendapatkan perubahan laluan baru bas CAT, kini saya boleh menaiki bas secara percuma ke klinik kesihatan Bandar Tasek Mutiara," jelasnya.



**GOH Choon Aik (kanan sekali) menunjukkan peta laluan CAT Batu Kawan pada majlis pelancarannya di sini baru-baru ini.**



**VEVELT Singh.**



**ALI Muhammad.**

Bagi **ALI MUHAMMAD**, 45, beliau berkata bahawa perkhidmatan bas CAT akan menjimatkan perbelanjaan harian penduduk selain memudahkan kanak-kanak ke sekolah.

"Saya baru sedar yang bas percuma ada melalui Taman Merak pagi ini (14 Januari 2019), perkhidmatan ini sememangnya bagus bagi golongan yang berpendapatan rendah mahupun warga emas. Saya akan bagi anak saya menaiki bas CAT ini untuk ke sekolah," katanya.

Terdahulu, Kerajaan Negeri memperkenalkan perkhidmatan bas percuma CAT sebagai salah satu alternatif untuk menggalakkan penggunaan pengangkutan awam sekaligus dapat mengurangkan kesesakan lalu lintas di negeri ini dengan pembiayaan sebanyak RM15 juta setahun.

## ADUN seru penduduk waspada, hapus tempat pembiakan aedes

**MACHANG BUBUK –** Ekoran peningkatan laporan demam denggi membabitkan Kawasan Dewan Undangan Negeri (KADUN) Machang Bubuk, Ahli Dewan Undangan Negerinya (ADUN), Lee Khai Loon menyeru masyarakat setempat agar lebih berwaspada.

Menurut beliau, pada 2017, wabak denggi bagi kawasan berkenaan dicatatkan berjumlah 100 kes dan mencatatkan peningkatan kepada 460 kes pada tahun lalu.

"Dukacitanya juga, ingin saya maklumkan bahawa arwah adik Muhammad Farish Mohd. Rafi, 13, telah menjadi korban pertama denggi di kawasan ini pada 7 Januari lalu.

"Saya difahamkan bahawa arwah (Muhammad Farish) mula dikesan mengalami demam sejak 4 Januari lalu ketika tinggal bersama-sama bapa saudaranya di Taman Machang Bubuk, keadaannya semakin teruk pada 7 Januari hingga tidak sedarkan diri dan meninggal dunia pada hari sama.

"Justeru, saya datang berjumpa dengan ayahnya, Mohd. Rafi untuk menyampaikan sedikit sumbangan ihsan kepada keluarga mangsa," ujar Khai Loon dalam satu kenyataan media di sini baru-baru ini.

Serentak itu, beliau turut menyeru masyarakat setempat supaya bergotong-royong menghapuskan semua tempat yang menjadi risiko pembiakan aedes.




**LEE Khai Loon (tiga dari kiri) menyampaikan sumbangan kepada keluarga waris yang menjadi mangsa wabak denggi di sini baru-baru ini.**

# Sumbangan projektor lancarkan proses pembelajaran murid khas

Oleh : **WATAWA NATAF ZULKIFLI**
Gambar : **DARWINA MOHD. DAUD**

**TANJUNG BUNGA –** Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Tanjong Bunga, Zairil Khir Johari menyumbangkan lapan projektor kepada Sekolah Pendidikan Khas Persekutuan di sini.

Zairil berkata, sumbangan tersebut bernilai kira-kira RM12,400 hasil peruntukan beliau sebagai membantu memudahkan proses pembelajaran di sekolah berkenaan.

"Melalui pemberian seperti ini, apa yang paling penting ialah keterangkuman kepada semua, kita tidak mahu ada murid-murid yang keciciran walaupun di sekolah khas, kita (Kerajaan Negeri) mahu mereka turut menerima kualiti pendidikan yang sama dengan murid lain.

"Usaha untuk memastikan keterangkuman pendidikan ini adalah sangat penting dalam masyarakat kita… dan apabila saya dapat tahu tentang keperluan pendidikan, saya akan bantu," ujarnya pada majlis penyampaian sumbangan berkaitan pada 3 Januari lalu.

Hadir sama, Pengetua Sekolah, Eshamuddin Abd. Rahim; Penolong Kanan Pentadbiran, Goh Phaik Keow dan Penolong Kanan Hal Ehwal Murid, Hasanah Abdul Rahman.



ZAIRIL Khir Johari (tengah) menyampaikan sumbangan projektor kepada salah seorang wakil berkaitan di sini baru-baru ini.




SUASANA pembelajaran di Sekolah Pendidikan Khas Persekutuan dengan penggunaan projektor.

Mengulas lanjut, Zairil yang juga Exco Kerja Raya, Utiliti dan Tebatan Banjir menyeru semua warga pendidik dan pentadbiran sekolah tersebut untuk mengeratkan lagi hubungan bersama Kerajaan Negeri agar lebih banyak bantuan yang mungkin boleh disalurkan selepas ini.

Sebelum itu, Eshamuddin ketika berucap berharap sumbangan tersebut dapat memberi manfaat kepada para guru serta murid-murid di sekolah berkenaan sekaligus menjadi pemangkin kejayaan dalam proses pembelajaran yang lebih sempurna.

"Saya ucapkan terima kasih kepada YB (Zairil) yang sudi menyumbang projektor kepada pihak sekolah, namun saya tetap berharap bantuan-bantuan lain daripada Kerajaan Negeri, contohnya berhubung keperluan asrama seperti katil, tilam dan lokar yang telah rosak.

"Persatuan Ibu Bapa dan Guru (PIBG) pernah memohon kepada pihak-pihak hotel dan sebagainya, namun tiada sambutan, jadi saya harap ianya dapat dipenuhi," jelasnya.

## Exco lawat bengkel bot terbakar di Penaga

**PENAGA -** Exco Pertanian & Industri Asas Tani, Pembangunan Luar Bandar dan Kesihatan, Dr. Afif Bahardin baru-baru ini melawat bengkel bot nelayan yang hangus terbakar dalam kejadian pada 30 Disember 2018.

Pada majlis sama, Pengerusi Persatuan Nelayan Seberang Perai, Mahadi Md. Rodzi turut menyerahkan sumbangan bantuan kepada pengusaha bengkel itu, Ismail Man, 52, dan Norazni Md. Shaffar, 41, iaitu pemilik sebuah bot kecil nelayan yang hangus dalam kejadian sama.

Afif memberitahu, bengkel bot itu dibina oleh Lembaga Kemajuan Ikan Malaysia (LKIM) untuk memenuhi keperluan nelayan-nelayan tempatan, dan Ismail merupakan usahawan di bawah projek anak angkat agensi Persekutuan.

"Melalui Kerajaan Negeri dan agensi Persekutuan, LKIM, kita akan melihat bagaimana untuk membangunkan semula bengkel ini," jelasnya yang juga Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Seberang Jaya pada majlis berkaitan di sini 3 Januari lalu.

Ustaz Muhasdey Muhamad, iaitu Pegawai Khas kepada Timbalan Ketua Menteri I; Penyelaras Kawasan Dewan Undangan Negeri Penaga (PPK), Halil Salleh dan Pengarah Jabatan Perikanan Negeri Pulau Pinang, Noraisyah Abu Bakar turut menyertai lawatan kerja di sini pada 3 Disember 2019.



MAHADI Md. Rodzi (enam dari kanan) menyerahkan sumbangan bantuan kepada Ismail Man (kiri sekali) sambil disaksikan Dr. Afif Bahardin (empat dari kanan) di sini baru-baru ini.

## Timbalan Menteri, Exco ziarah keluarga kanak-kanak mangsa kebakaran

**PANTAI JEREJAK –** Ahli Parlimen Bayan Baru, Sim Tze Tzin mengadakan ziarah khas terhadap keluarga kanak-kanak yang terkorban dalam tragedi kebakaran kontena di Kampung Jawa, Bayan Baru di sini baru-baru ini.

Sempena ziarah tersebut, Tze Tzin turut menyampaikan wang khairat kematian kepada keluarga arwah adik Muhammad Saifuddin Ali Subahan, 8.

Beliau yang juga Timbalan Menteri Pertanian & Industri Asas Tani dalam kenyataannya mengucapkan takziah dan menyeru para ibu bapa menasihati anak masing-masing supaya lebih berhati-hati serta berwaspada bagi mengelakkan bahaya kebakaran.

Turut serta, Exco Perdagangan Antarabangsa & Dalam Negeri, Hal Ehwal Pengguna dan Pembangunan Keusahawanan merangkap Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Batu Maung, Dato' Abdul Halim Hussain dan Ahli-ahli Majlis Pengurusan Komuniti Kampung (MPKK) Kampung Jawa.

Sebelum itu, Tze Tzin dan Abdul Halim sempat mendapatkan maklumat ringkas berhubung kejadian malang tersebut daripada pasukan forensik Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia (Bomba).

Difahamkan, dalam tersebut, Allahyarham Muhammad Saifuddin dikatakan sedang bermain di dalam kontena berkaitan yang dijadikan tempat menyimpan barang-barang terpakai sebelum terperangkap.



SIM Tze Tzin (kanan sekali) sambil ditemani Abdul Halim Hussan (kiri sekali) menyampaikan wang khairat kematian kepada keluarga arwah di sini baru-baru ini.

## Bakat Si Cilik - Mewarna 1/2019

PENANG 2030



Sila isi butiran berikut:

Nama : ..............................

No. My Kid/ Kad Pengenalan: ..............................

Alamat: ..............................

..............................

Nama Ibu/ Bapa/ Penjaga: ..............................

No. Telefon : (Rumah) .............. (Bimbit) : ..............

Emel: ..............................

Terma & Syarat Peraduan:

1. Mewarna : Peraduan dibuka dari **1 Februari 2019** hingga **31 Mei 2019.**
2. Terbuka kepada kanak-kanak berusia 12 tahun dan ke bawah.
3. Hanya borang penyertaan sah boleh digunakan.
4. Peserta boleh menghantar seberapa banyak penyertaan.
5. Hasil lukisan akan menjadi hak penganjur.
6. Keputusan pengadil adalah muktamad.
7. Penyertaan ahli keluarga terdekat barisan penganjur adalah tidak sah.
8. Sebarang pertanyaan, sila hubungi 04-650 5704 / 650 5375 / 650 5256.
9. Alamatkan semua borang penyertaan kepada:
   Buletin Mutiara, Peraduan Bakat Si Cilik - Mewarna,
   Tingkat 47, Komtar, 10503 Pulau Pinang.

## Hadiah:

**Pertama: RM250**
**Kedua: RM150**
**Ketiga: RM100**